



**فلیتا برونی**

**PELITA BRUNEI**

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.39 | SUBUH 4.49 | SYURUK 6.07 | DUHA 6.29 | ZUHUR 12.09 | ASAR 3.23 | MAGHRIB 6.10 | ISYAK 7.19 Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 121

7 OKTOBER 2024 / 1446

٣

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

مانیسش ایمان

DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Maksudnya : "Amat rugi, amat rugi, amat rugi. Baginda ditanya : "Siapa (yang engkau maksudkan) wahai Rasulullah?" Rasulullah menjawab : "Siapa sahaja yang mempunyai orang tuanya ketika sudah lanjut usia, salah satu atau keduanya namun tidak (menjadikannya sebab) masuk syurga". (Hadis Riwayat Imam Muslim).

# PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

TAHUN 69 BILANGAN 121

7 OKTOBER 2024 / 1446

٣

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

## DOA KESYUKURAN SEMPENA ULANG TAHUN PENUBUHAN YSHHB

Oleh : Khartini Hamir

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 5 Oktober. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) ditubuhkan atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 5 Oktober 1992 sempena Sambutan Jubli Perak Menaiki Takhta.

Penubuhan YSHHB adalah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda, iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda serta menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

Sehubungan itu petang tadi, YSHHB mengadakan Majlis Doa Kesukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan YSHHB yang Ke-32 Tahun bertempat di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB, di sini.

>> Muka 3



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengurus Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berangkat ke Majlis Doa Kesukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan YSHHB yang Ke-32 Tahun. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

## Zahir kesyukuran sempena Hari Puja Usia Kebawah DYMM Raja Isteri

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 6 Oktober. - Kementerian Kesihatan lewat petang tadi mengadakan Majlis Doa Kesukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Hajah Mohamed Alam bertempat di Surau Nuurul 'Inayah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), di sini.

Hadir ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Maghrib dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah yang diimamkan oleh Awang Haji Mohd Emmarul bin Haji Azamain.

Acara diseluruh dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesukuran sempena Sambutan Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha yang dikepalai oleh Ketua Guru Ugama, Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital RIPAS, Awang Ahmad Syuja'ee bin Begawan Mudim Haji Metassim. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 5

## Pelantikan Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 6 Oktober. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

telah mengurniakan titah perkenan bagi Pengarah Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim untuk dinaikkan pangkat dan seterusnya dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP.

Tarikh pelantikan pegawai berkenaan berkuat kuasa mulai Isnin, 3 Rabiuulakhir 1446 Hijrah bersamaan 7 Oktober 2024 Masihi.

## Tingkatkan pengetahuan tangani cabaran dalam pendidikan awal kanak-kanak

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

**KUCHING, SARAWAK**, Ahad, 6 Oktober. - Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh telah menghadiri Majlis Perasmian Konvensyen Antarabangsa Prasekolah Sarawak 2024, yang diadakan pada Sabtu, 5 Oktober 2024 di The Waterfront Hotel, Kuching, Sarawak.

Dengan bertemakan 'Inklusiviti dan Kepelbagai dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak', konvensyen tersebut memberi tumpuan kepada tiga objektif utama iaitu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pendidik untuk menangani cabaran dalam penjagaan dan pendidikan

awal kanak-kanak.

Selain itu, menyediakan platform bagi pendidik, penjaga dan ibu bapa untuk berinteraksi dan bekerjasama, dan mewujudkan peluang kepada peserta untuk berkongsi pengalaman dan amalan-amalan terbaik dalam memupuk budaya pembelajaran dan penambahbaikan yang berterusan dalam bidang tersebut.

Majlis berkenaan telah dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti, Sarawak, Yang Berhormat Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah.

>> Muka 4

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**

f Pelita Brunei @pelitabrunei @pelitabrunei

## Berita Utama



JUJUR, adil dalam menjalankan tugas, tanggungjawab

Muka 4



KEDUTAAN Thailand sumbang koleksi buku

Muka 7



TANAM penghayatan konsep MIB dalam kalangan pelajar

Muka 9



**Belia Berwawasan**  
SYAIR : Khazanah seni yang perlu dipertahankan

Muka 20



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Sambutan Hari Guru Kali Ke-34 Tahun 2024 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada Khamis, 3 Oktober 2024.

**Assalamualaikum Warahmatullahi**

**Wabarakatuh**

**Bismillahir Rahmanir Rahim**

**Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,**

**Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa**

**Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'**

**Wassalaamu 'Ala Asyarahfil Mursaleen,**

**Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa**

**Aalihee Wasabihee Ajma'een, Waba'du.**

**B**ERSYUKUR kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dapat hadir bagi meraikan dan memeriahkan Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei

Darussalam Kali Ke-34 pada tahun ini.

Di kesempatan ini, beta terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua yang bergelar guru atau pendidik atas komitmen dan sumbangan mereka kepada anak bangsa.

Tema Sambutan Hari Guru pada tahun ini 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan'. Tema ini terus memfokus kepada guru selaku tonggak dan agen perubahan. Transformasi pendidikan bukan terhad kepada teknologi dan infrastruktur canggih semata-mata, tetapi juga bersifat yang lebih besar dari itu. Ini termasuk aspek

kesejahteraan untuk semua.

1 November 2023 telah menyaksikan satu transformasi dalam sistem pendidikan di mana mata pelajaran Ugama telah diintegrasikan ke dalam Sistem Pendidikan Umum bagi pelajar-pelajar Tahun 2 hingga Tahun 5. Perubahan ini boleh menyumbang kepada penggunaan masa lebih optimum di samping memperluaskan lingkungan aktiviti pembelajaran, tidak hanya terbatas kepada persekitaran bilik darjah. Pendekatan sebegini boleh memperkaya pengalaman pelajar melalui konteks baharu dan sekali gus merangsang kebolehan mereka beradaptasi di dunia yang semakin kompleks dan mencabar. Tetapi ini tidak bermakna pendidikan ugama diabaikan menjadi ke bawah. Semua pihak berkenaan perlu memahami perkara ini.

Menyentuh mengenai persiapan pelajar untuk menghadapi cabaran kehidupan, Negara Brunei Darussalam telah menyertai satu penilaian antarabangsa anjuran Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD) iaitu Programme for International Student Assessment (PISA) pada tahun 2022. Alhamdulillah, terdapat peningkatan pencapaian dalam kesemua tiga ruang lingkup yang dinilai, berbanding pencapaian PISA 2018.

Perkembangan yang baik ini, tentunya terhasil dari sokongan berterusan oleh para guru dalam memandaikan anak-anak Brunei. Ini dibuktikan oleh dapatan dari PISA di mana pelajar-pelajar di negara ini merasakan guru-guru mereka sentiasa bersedia memberikan pertolongan atau sokongan. Ini membuktikan betapa faktor guru adalah salah satu penyumbang utama dalam kejayaan pelajar. Oleh itu, di kesempatan ini beta suka cita mengucapkan syabas dan tahniah kepada para guru sekalian atas keprihatinan, komitmen dan pengorbanan mereka kepada pelajar-pelajar kita.

Kerajaan beta insyaaAllah akan terus komited menyediakan peluang-peluang pembelajaran di dalam dan luar negeri, melalui pelbagai biasiswa yang ditawarkan. Dan sehubungan dengan itu, beta menyarankan supaya pihak Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) akan memperkemaskin lagi dasar biasiswa kerajaan dengan membuka peluang lebih luas demi kepentingan pembangunan sumber tenaga manusia. Ini selaras dengan tujuan memantapkan tenaga kerja yang berkualiti.

>> Muka 9

## SIDANG PENGARANG 7 OKTOBER 2024

### Pemedulian yang disanjung

**P**ENUBUHAN Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah(YSHHB) pada 5 Oktober 1992 bersempena dengan Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta merupakan bukti pemedulian serta keprihatinan dan tanda kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda terhadap rakyat baginda yang sentiasa taat setia kepada baginda dan kerajaan baginda.

YSHHB ini merupakan wadah amal jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat baginda khususnya kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sepanjang 32 tahun, YSHHB telah banyak memberi bantuan serta sumbangan baik kepada rakyat yang memerlukan di negara ini bahkan juga di luar negara. Kita telah melihat pelbagai bantuan serta sumbangan bagi mereka yang memerlukan seperti rumah-rumah bantuan di bawah Skim Perumahan YSHHB. Rumah-rumah bantuan berkenaan adalah dikhushuskan kepada saudara-saudara baharu dan mereka yang daif dan tidak berkemampuan mendirikan rumah sendiri dan dikurniakan secara percuma kepada para penerima yang layak mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak YSHHB.

Sifat dermawan Kebawah DYMM dapat dilihat antaranya menjelang bulan Ramadan dengan kemurahan hati baginda mengurniakan kurma. Pembahagian Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM sentiasa dinanti-nantikan oleh rakyat dan penduduk di NBD. Pengurniaan Kurma Peribadi Kebawah DYMM ini merupakan salah satu amal jariah baginda serta kaum kerabat baginda yang dihasratkan dapat dinikmati sebagai juadah berbuka puasa pada bulan Ramadan oleh semua golongan rakyat dan penduduk Islam di negara ini.

Rakyat dan penduduk di negara ini seharusnya mensyukuri nikmat kurnia yang Allah Subhanahu Wata'ala berikan kepada kita kerana dianugerahkan dengan seorang pemimpin negara yang begitu kasihikan rakyatnya, memeduli hal ehwal rakyat dan memastikan tidak ada ketirisian rakyat baginda dalam menerima bantuan.

Satu lagi mercu tanda yang akan menjadi ristaan negara ialah YSHHB telah diiktiraf dan terpilih bagi pihak NBD untuk menjadi penerima Anugerah Perniagaan Inklusif ASEAN Ke-7 (ASEAN IB Ke-7) Tahun 2024 pada 24 September yang lepas di majlis yang berlangsung di Grand Ballroom, Hotel Lao Plaza, Vientiane, Laos dengan mengambil kira bantuan-bantuan dan sumbangan YSHHB melalui Program Sara Diri.

Pengukuhan legasi baginda dan imej raja pemedulian memang sudah sebatas dalam jiwa raja yang dikasihi. Tidak hairanlah segenap lapisan masyarakat di negara ini begitu menyanjung, menghormati Kebawah DYMM sebagai ketua negara yang disayangi kerana sikap baginda yang begitu mengutamakan kepentingan rakyat baginda serta sentiasa memeduli kehidupan rakyat. Baginda boleh diibaratkan sebagai 'payung negara' yang sentiasa melindungi rakyat di bawah pemerintahan baginda. Sesungguhnya nikmat yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan kepada kita adalah satu rahmat kepada penduduk di bumi Darussalam ini. - Ketua Penyuntingan (Ri)



## WAKTU SEMBAHYANG

Oktobre MASIHI	HARI	Rabiulakhir HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
7	ISNIN	3	4.39	4.49	6.07	6.29	12.09	3.23	6.10	7.19
8	SELASA	4	4.39	4.49	6.06	6.29	12.09	3.23	6.09	7.18
9	RABU	5	4.39	4.49	6.06	6.29	12.09	3.23	6.09	7.18
10	KHAMIS	6	4.39	4.49	6.06	6.29	12.08	3.24	6.08	7.18
11	JUMAAT	7	4.39	4.49	6.06	6.28	12.08	3.24	6.08	7.17
12	SABTU	8	4.38	4.48	6.06	6.28	12.08	3.24	6.08	7.17
13	AHAD	9	4.38	4.48	6.06	6.28	12.08	3.24	6.07	7.17

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Pekan Bangar		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Pekan Tutong		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Kuala Belait		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	25 °C
WallahuAlam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

www.met.gov.bn

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان چیتقو اوله قرینت قلس سندیرین بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Doa Kesukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan YSHHB

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berangkat ke Majlis Doa Kesukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan YSHHB yang Ke-32 Tahun (atas dan kiri).

## >> Muka 1

Berangkat ke majlis berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman;

dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof selaku Ahli-Jemaah Tadbir YSHHB.

Turut menjunjung keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Timbalan Pengerusi Lembaga

Pengarah YSHHB; dan Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dayang Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murad dan sejurus itu diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dan bacaan Doa Kesukuran sempena 32 Tahun Penubuhan YSHHB.

Sepanjang 32 tahun

penubuhannya, YSHHB telah melaksanakan pelbagai program, projek dan aktiviti untuk meningkatkan dan merangsang perkembangan sosioekonomi serta kesejahteraan rakyat dan penduduk NBD sekali gus memenuhi aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Dalam apa juga perancangan dan pelaksanaan program, projek dan aktiviti, YSHHB sentiasa mendukung penuh agenda pembangunan negara sejarah dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Terbaru pada September 2024, YSHHB telah menerima Anugerah Perniagaan Inklusif

ASEAN Ke-7, Tahun 2024. Penganugerahan berkenaan adalah mengambil kira bantuan-bantuan dan sumbangan YSHHB melalui Program Sara Diri.

Program berkenaan telah membantu golongan keluarga yang kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah untuk mulakan perniagaan dengan diberikan latihan kemahiran dan bantuan modal yang dipantau sehingga mereka berjaya dan mandiri seterusnya membantu keluarga lain yang baru berkecimpung dalam bidang perniagaan.

Program Sara Diri berkenaan dilaksanakan sejak dengan visi YSHHB, iaitu memperkasa Masyarakat Mandiri.

## YSHHB SUMBANGKAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA 2 BADAN BUKAN KERAJAAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan menyempurnakan pengurniaan sumbangan kewangan YSHHB kepada dua buah badan bukan kerajaan yang mengendalikan program pembangunan dan pemulihan golongan Orang Kelainan Upaya (kiri dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 5 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan menyempurnakan pengurniaan sumbangan kewangan YSHHB kepada dua

buah badan bukan kerajaan yang mengendalikan program pembangunan dan pemulihan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) sebanyak BND100,000.

Sumbangan berkenaan adalah merupakan keprihatinan YSHHB terhadap kebijakan dan kesejahteraan golongan OKU yang sewajarnya diberikan bimbingan, didikan dan kemahiran supaya mereka menjadi individu yang berjaya dan

mampu memberikan sumbangan kepada masyarakat dan negara.

Dua buah badan bukan kerajaan berkenaan ialah Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan) dan Persatuan SMARTER Brunei.

Pusat Ehsan menerima sumbangan kewangan sebanyak BND50,000 yang diterima oleh Pemegang Amanah Kanan Pusat Ehsan, Dato Paduka Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul

Wahab.

Sumbangan berkenaan adalah merupakan sumbangan tahunan YSHHB (bagi 2023), iaitu untuk memberi sokongan kepada pusat berkenaan dalam mengendalikan perkhidmatan dan latihan kepada insan-insan istimewa yang kurang upaya dari segi anggota dan intelek untuk membolehkan mereka mencapai potensi ke tahap maksimum.

Sementara itu, Persatuan

SMARTER Brunei (Persatuan bagi sekumpulan ibu bapa yang mempunyai anak yang memiliki autisme), menerima sumbangan kewangan berjumlah BND50,000 yang juga merupakan sumbangan tahunan YSHHB (bagi 2023).

Daripada jumlah sumbangan berkenaan, sebanyak 50 peratus disumbangkan kepada Persatuan SMARTER Brunei untuk mengendalikan urusan pengajaran dan pembelajaran khusus bagi anak-anak autistik.

Manakala sebanyak 50 peratus lagi adalah untuk pembayaran yuran pendidikan yang dikenakan oleh SMARTER Brunei bagi mengajar anak-anak autisme daripada keluarga yang berpendapatan rendah.

Sumbangan berkenaan diterima oleh Yang Dipertua Persatuan SMARTER Brunei, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang.

Majlis yang mengambil tempat di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB, di ibu negara berkenaan turut dihadiri Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB; pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB; serta guru-guru Sekolah YSHHB.

# JUJUR, ADIL DALAM MENJALANKAN TUGAS, TANGGUNGJAWAB

**Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 6 Oktober. - Peranan seorang guru dan warga Perkhidmatan Awam tidak seharusnya dipandang sekadar sebagai sesuatu pekerjaan atau profesi. Sebaliknya, ia perlu dilihat dalam konteks tugas dan tanggungjawab yang mulia, di mana ia menuntut kepada dua perkara yang sangat penting iaitu sifat-sifat siddiq (kejujuran) dan amanah (integriti).

Baginda Rasulullah adalah contoh integriti yang sempurna, tidak pernah berkompromi dengan kebenaran, walaupun dalam keadaan yang paling sukar. Sebagai guru, kita mesti mencontohi integriti ini, mengajar dengan kejujuran dan keikhlasan, serta sentiasa mengingat bahawa kita bertanggungjawab di hadapan Allah atas apa yang kita sampaikan kepada para pelajar.

Bagi seorang guru, tanggungjawab ini adalah terhadap pelajar-pelajarnya yang menaruh harapan kepada guru-guru ini untuk membimbing mereka, bukan sahaja dalam ilmu, malah juga dalam akhlak. Sementara bagi seorang warga Perkhidmatan Awam, tanggungjawab ini adalah kepada masyarakat yang memerlukan kejujuran dan keadilan dalam menjalankan tugas masing-masing.

Perkara tersebut antara inti pati tazkirah yang disampaikan oleh Pensyarah Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Haji Muhammad Majdey bin Haji Zawawi dari Masjid UBD bagi menyertai lagi Malam Munajat Kali Ke-154 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), baru-baru ini.

Acara Malam Munajat

diteruskan dengan mengundang tetamu khas, Yang Dipertua Persatuan Mahasiswa / Mahasiswi UBD, Awang Muhd. Zulkhairi Jifli bin Jainudin yang memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah dari Masjid UBD.

Juga hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi program berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Malam Munajat turut diimarahkan oleh Ahli-ahli Persatuan Mahasiswa / Mahasiswi UBD; Ahli Alumni Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB); mahasiswa Tahfiz dan Qiraat, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); warga Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien, UBD; pelajar-pelajar ITQSHHB; Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah Masjid Pengiran Muda Abdul Mateen, Kampung Mulaut, Balai Ibadat Kampung Mata-Mata, Gadong serta dari masjid-masjid termasuk surau dan balai ibadat yang semuanya berjumlah 63 buah dari seluruh negara.

Selain itu, warga kerja KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya, bersama keluarga serta individu juga turut serta secara dalam talian dari kediaman masing-masing.

Selepas bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah, acara diteruskan dengan bacaan Surah Al-Mulk secara beramai-ramai, yang dipimpin



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi Malam Munajat Kali Ke-154.**

oleh Alumni ITQSHHB, Awang Muhammad Adi Syazani bin Shahri @ Muhammad Izz Raziq juga merupakan mahasiswa Tahun 3, Ijazah Sarjana Muda Tahfiz dan Qiraat, UNISSA dari Musolla ITQSHHB.

Seterusnya, bacaan Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Pengiran Muda Abdul Mateen, Awang Haji Khairul Nizam bin Haji Md. Said dari masjid berkenaan. Selesai tazkirah, acara diteruskan dengan bacaan Selawat Tafrijiyah secara beramai-ramai, yang dipimpin

oleh pelajar Tahun 9, ITQSHHB, Awang Mohammed Rifat Razin bin Mohammad Khairul Azmi.

Sebagai penutup acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Imam Tingkat II, Balai Ibadat Kampung Mata-Mata, Awang Haji Isa bin Haji Saban.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala melalui beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran

dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit berbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu malam Ahad secara dalam talian melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu> atau <https://www.facebook.com/pdi.kheu>.

## Tingkatkan pengetahuan tangani cabaran dalam pendidikan awal kanak-kanak



**YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa menghadiri Majlis Perasmian Konvensyen Antarabangsa Prasekolah Sarawak 2024, yang diadakan pada Sabtu, 5 Oktober 2024 di The Waterfront Hotel, Kuching, Sarawak.**

### >> Muka 1

Acara tersebut menghimpunkan wakil-wakil dari Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Republik Indonesia, dan Republik Singapura.

Seramai 305 peserta telah hadir secara bersemuka, manakala 620 peserta lain telah menyertai secara dalam talian.

Antara yang menghadiri konvensyen tersebut secara bersemuka adalah empat orang guru Negara Brunei Darussalam dari pelbagai sekolah yang mengajar di peringkat prasekolah dan seorang pegawai dari Unit Pendidikan Awal Kanak-kanak, Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan rombongan turut

### Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

berkesempatan untuk mengadakan lawatan ke Pusat Intervensi Awal Setempat (One Stop Early Intervention Centre - OSEIC).

Pusat berkenaan ditubuhkan untuk menyediakan intervensi awal bagi keperluan perkembangan, kesihatan dan sokongan anak damit dan kanak-kanak yang

didiagnosis dengan Autisme, Sindrom Down atau masalah pembelajaran lain, sebelum menyertai prasekolah.

Semasa lawatan, pusat berkenaan telah mengongsikan mengenai Program Intervensi Awal (EIP), yang merangkumi perkembangan sokongan pendidikan dan terapi bagi

membantu melengkapkan kanak-kanak dengan kemahiran dan perkembangan asas utama dalam usaha untuk mencapai potensi mereka.

Turut mengiringi Yang Berhormat Menteri Pendidikan ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin; dan pegawai-pegawai daripada Kementerian Pendidikan.

# Majlis sempena Sambutan Hari Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir pada Majlis Doa Kesukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bertempat di Surau Nuurul 'Inayah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) (atas), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

## Kementerian Kesihatan

Berita dan Foto : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin



### >> Muka 1

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang

Haji Maswadi bin Haji Mohsin; ketua-ketua jabatan serta pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

## Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**JERUDONG**, Ahad, 6 Oktober.  
- Majlis Khatam Al-Quran, Doa Kesukuran dan Sembahyang Sunat Hajat sempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam telah dianjurkan oleh Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet,

Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu, berlangsung di Dar Al-Intishar, Kompleks Sukan Jerudong, hari ini.

Majlis Khatam Al-Quran dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh Datin Hajah Nahriah binti Haji



**SEKITAR** Majlis Khatam Al-Quran, Doa Kesukuran dan Sembahyang Sunat Hajat sempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam yang dianjurkan oleh Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu (atas dan kiri).

Awang Hasbi selaku Pengurus II Jawatankuasa Pandu Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu dan Ketua Jawatankuasa Kerja Keagamaan Kumpulan Isteri.

Acara diteruskan dengan bacaan Khatam Al-Quran beramai-ramai yang diketuai oleh Pegawai Pendidikan Ugama,

Dayang Hainun binti Haji Mustapha dan Dayang Hajah Norasnida binti Haji Ramlee, diikuti dengan bacaan Takhtim, Doa Khatam dan Dikir Marhaban sebelum ditutup dengan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis pada petang tersebut disusuli dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Pelajaran Ugama Kanan, Dayang

Hajah Azizah binti Haji Mohamad juga selaku Ahli Bersekutu dan seterusnya membacakan Doa Khas Kesukuran bagi mengakhiri majlis.

Majlis berkenaan diadakan sebagai tanda kasih dan kesyukuran sempena memperingati Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.



**PERSATUAN SISWAZAH WANITA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

**KIULAP**, Ahad, 6 Oktober. - Dalam meriah keberkatan dan syafaat Al-Quran dengan membanyakkan pembacaannya, Persatuan Siswazah Wanita (PSW) Negara Brunei Darussalam mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam. Kira-kira 20 ahli daripada PSW hadir pada majlis yang berlangsung di Balai Yusof, Al-Afiah Hotel, Kiulap, hari ini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Penasihat I PSW, Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji

## Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Kamaluddin dan Yang Dipertua PSW, Hajah Dayang Hassanah binti Haji Awang Hassan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, bacaan Surah Al-Fatiha dan seterusnya bacaan Khatam Al-Quran mulai dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad. Bagi memberkati majlis, Doa Khatam dan Doa Khas

Kesyukuran dibacakan.

Adapun tujuan diadakan majlis ini adalah untuk sama-sama menyemarakkan lagi Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara warga persatuan.

# Majlis sempena Sambutan Hari Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri

## Persatuan Jururawat Negara Brunei Darussalam

Berita dan Foto : Khartini Hamir



**BERAKAS**, Ahad, 6 Oktober. - Dalam menzahirkan rasa tanda kasih dan merafakkan kesyukuran, Persatuan Jururawat Negara Brunei Darussalam (PENJURU) pagi tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran sempena memperingati Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha

Pengiran Anak Hajji Mohamed Alam.

Majlis yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan itu dihadiri oleh seramai 40 Ahli-ahli PENJURU.

Atur cara terdahulu dimulakan dengan bacaan Doa Selamat dan Kesyukuran yang dibacakan oleh Ahli Jawatankuasa PENJURU, Awang Hajji Nipah@Ariffin bin Hajji Hassan.

Seterusnya ucapan alu-aluan



PERSATUAN Jururawat Negara Brunei Darussalam (PENJURU) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran sempena memperingati Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Hajji Mohamed Alam (atas dan kiri).

disampaikan oleh Yang Dipertua PENJURU, Datin Paduka Dayang Hajah Suraya Noraidah binti Abdullah yang antara lain merafakkan sembah ucapan Puja Usia ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha selaku Penaung Persatuan PENJURU.

Di atas keprihatinan baginda terhadap perkembangan profesion kejururawatan dan perbidanan di negara ini jelas YDP PENJURU, dapat meningkatkan lagi

pemberian perkhidmatan yang cemerlang kepada masyarakat.

"Persatuan PENJURU sebagai badan profesional kejururawatan, perbidanan dan semua petugas kesihatan yang berdaftar dengan Lembaga Jururawat untuk Brunei mempunyai tugas-tugas penting di dalam mendukung segala matlamat Kementerian Kesihatan ke arah pemberian perkhidmatan terbaik kepada masyarakat," ujarnya.

Acara kemudiannya diteruskan dengan bacaan Khatam Al-Quran

beramai-ramai dan kemudian diikuti dengan bacaan Takhtim, Doa Khatam dan Dikir Marhaban sebelum ditutup dengan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Hadir sama ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PENJURU, Pernangku Pengarah Kejururawatan Kementerian Kesihatan, pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Kejururawatan dari keempat-empat daerah serta Ahli-ahli PENJURU.

## Bekalkan peserta dengan kemahiran interaksi secara efektif



SEBAHAGIAN yang menyertai Program Kursus Pembangunan Modal Insan yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Pusat Da'wah Islamiah (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kiri, sesi pertama Kursus Komunikasi Berkesan disampaikan oleh Penolong Pegawai Latihan, Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Awang Hajji Noor Husseini bin Haji Mohd Hussein.



Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Ihsan Pusat Da'wah Islamiah

**PULAI**, Ahad, 6 Oktober. - Belia Muallaf As-Syahadah, di bawah naungan Urus Setia Program Keagamaan Belia (PKB), Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama pagi tadi mengadakan Program Kursus Pembangunan Modal Insan yang berlangsung di Dewan Serbaguna, PDI.

Kursus Pembangunan Modal Insan merupakan satu program yang dirancang khusus untuk membekalkan peserta ikon Muallaf dengan kemahiran penting bagi meningkatkan interaksi secara efektif.

Selain itu, program tersebut juga

bertujuan untuk memperkaya pemahaman peserta tentang cara-cara meningkatkan kecerdasan emosi mereka.

Pengisian program terbahagi kepada dua sesi iaitu sesi pertama Kursus Komunikasi Berkesan, yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Latihan, Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Awang Hajji Noor Husseini bin Haji Mohd Hussein.

Sementara sesi kedua pula, Pengurusan Emosi Dengan Bijaksana yang disampaikan oleh Setiausaha Agung Persatuan KESAN, Dayang Sarah binti Haji Abdul Mutalif.

Antara objektif program adalah untuk meneroka teknik-teknik komunikasi yang berkesan serta strategi bagi mengatasi cabaran dalam interaksi, di samping itu para peserta juga akan diberi peluang untuk mempraktikkan kemahiran berkomunikasi secara kolaboratif.

Selain itu, program tersebut juga memberi tumpuan kepada teknik-teknik mengenal pasti, mengurus, dan memanfaatkan emosi secara konstruktif.

Para peserta akan mempelajari cara untuk memahami dan mengurus emosi diri serta emosi orang lain, yang akan membantu mereka menyelesaikan konflik dengan lebih efektif dan meningkatkan kesejahteraan peribadi dan profesional.

# KEDUTAAN THAILAND SUMBANG KOLEKSI BUKU

Oleh : Pg. Vivy Maessa Pg. Ibrahim  
Foto : Mohammad Hasif Matzin



**TUNGKU LINK**, Sabtu, 5 Oktober. - Bersempena meraikan 40 Tahun Hubungan Diplomatik antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Thailand, Kedutaan Diraja Thailand menyumbangkan koleksi buku berharga kepada Universiti Teknologi Brunei (UTB) dalam satu majlis yang diadakan petang tadi di Perpustakaan UTB, di sini.

Majlis dimulakan dengan ucapan daripada Naib Canselor

UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke NBD, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai.

Acara kemudian diteruskan dengan Pelancaran Thai Corner yang terletak di Perpustakaan UTB tersebut. Thai Corner menampilkan koleksi sebanyak 25 buku yang meliputi pelbagai topik termasuk

budaya, sejarah, pengembawaan, seni bina dan berkaitan dengan pembangunan mampan.

Buku-buku ini bertujuan untuk memperkayakan sumber akademik UTB dan berfungsi sebagai sumber yang berharga untuk para pelajar dan kakitangan kedua-dua buah negara serta memperdalamkan pemahaman mereka tentang warisan Thailand dan sumbangan globalnya, sambil memupuk penghargaan budaya bersama antara kedua-dua negara.

Sumbangan tersebut mencerminkan hubungan dua hala yang kukuh antara NBD dan Thailand, yang telah menyaksikan pelbagai kejayaan dalam tempoh empat dekad yang lalu.

Pada 23 April 2024, UTB telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Chulalongkorn untuk meningkatkan lagi kerjasama akademik, dengan tumpuan kepada pertukaran pelajar dan kakitangan, projek penyelidikan bersama dan inisiatif akademik.

MoU tersebut adalah satu lagi bukti perkongsian yang semakin meningkat dalam pendidikan antara kedua-dua negara. Dengan penubuhan Thai Corner ini bukan sekadar simbol persahabatan yang telah lama terjalin antara NBD dan



KEDUTAAN Diraja Thailand menyumbangkan koleksi buku berharga kepada Universiti Teknologi Brunei (UTB) dalam satu majlis yang diadakan di Perpustakaan UTB (atas dan kiri).

Thailand namun juga sumbangan ketara kepada usaha berterusan UTB untuk memperkayakan sumber akademiknya dan menggalakkan penglibatan silang budaya.

Ia berfungsi sebagai platform untuk pertumbuhan intelek, menyediakan peluang pelajar dan cendekiawan untuk menerokai perspektif pembangunan budaya, sejarah Thailand yang mampan.

Kerjasama ini melangkaui penglibatan intelekual dan mengukuhkan asas untuk perkongsian jangka panjang antara kedua-dua buah negara dalam memupuk persefahaman bersama dan pertumbuhan akademik untuk generasi akan datang.

## Kongsi maklumat, cadangan kepada Kementerian Kesihatan

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**SESI Dialog Kementerian Kesihatan bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN)** diadakan bertempat di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan (kanan dan bawah).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 5 Oktober. - Sesi Dialog Kementerian Kesihatan bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) diadakan hari ini bertempat di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan. Seramai 15 Ahli-ahli MMN menghadiri Sesi Dialog tersebut yang diketuai oleh Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan.

Sebelum Sesi Dialog dimulakan, Ahli-ahli MMN dibawa melawat ke perkhidmatan-perkhidmatan di Pusat Kesihatan Berakas dan Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan.

Sesi Muzakarah ini dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat oleh Guru Ugama Terlatih, Unit Perkhidmatan



Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Haji Mohd. Emmarul bin Haji Azamain, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Setiausaha Tetap

Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin selaku Pengerusi Sesi Dialog ini.

Majlis seterusnya disusuli dengan Sesi Dialog di antara Ahli-ahli MMN dan pihak Kementerian Kesihatan. Sesi Dialog yang diadakan dalam suasana silaturahim, muhibah dan secara terbuka itu adalah bagi berkongsi idea, maklumat, isu, pandangan dan cadangan yang sudah setentunya akan memberi manfaat kepada Kementerian Kesihatan dalam usahanya meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan demi kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Dr. Hajah Lailawati binti Haji Jumat; ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan.

جایتن فرانجخن ایکونومی دان ستاتیستک  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
JABATAN HAL EKPLAI PENGGANA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

### NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

### Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.

# PLATFORM MEMPAMERKAN PRODUK, PERKHIDMATAN KEPADA PENGEMBARA



**SETIAUSAHA** Tetap MTIC hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan acara berkenaan (atas dan atas kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 5 Oktober. - Menurut Kemas Kini Awal Trafik dari Persatuan Syarikat Penerbangan Asia Pasifik (Association of Asia Pacific Airlines-AAPA) bagi Ogos 2024, terdapat peningkatan sebanyak 39.0 peratus dalam penumpang antarabangsa yang dibawa oleh syarikat-syarikat penerbangan di Asia untuk tempoh Januari 2024 sehingga Julai 2024 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2023.

Set data termasuk data trafik agregat daripada 40 buah syarikat penerbangan yang berpangkalan di Asia Pasifik termasuk Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB).

Perkara berkenaan antara yang dikongsikan oleh Pengurus Sabre Travel Network (Brunei), Kapten Sabirin bin Haji Abdul Hamid semasa acara Sabre Brunei Travel Fair yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Sementara itu tambahnya, Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) telah melaporkan peningkatan sebanyak 22.97 peratus dalam jumlah pergerakan penumpang keseluruhan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi Januari 2024 hingga Julai 2024 berbanding tempoh yang sama pada 2023.

Menurut MTIC ujarnya lagi, jika mereka terus mengalami pertumbuhan dua angka, jumlah pergerakan penumpang akan dijangka kembali ke tahap 2019 menjelang tahun 2026.

Menyentuh mengenai acara berkenaan, beliau menjelaskan acara tersebut terus menyediakan rakan pelancongan mereka dengan platform untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan, menawarkan tawaran istimewa kepada pengembara yang mencari percutian impian mereka.

"Sabre Brunei Travel Fair juga merupakan platform unik untuk pembekal pelancongan tempatan mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka, di samping memberi peluang kepada pengunjung untuk mengetahui tentang pakej dan promosi yang tersedia, menjadikannya pentas yang ideal untuk mempromosikan pakej percutian di Negara Brunei Darussalam," ujarnya lagi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan acara berkenaan,



Setiausaha Tetap MTIC, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

The 19th Sabre Brunei Travel Fair diadakan selama dua hari bermula hari ini sehingga Ahad, 6 Oktober 2024.

Antara agensi-agensi pelancongan yang menyertai acara berkenaan ialah Anthony Tours & Travel Agency, As Safa Travel & Tours, At-Taqwa Travel Tours, Atika Arif Tours, Continental Yachting, Dar El Ehsan Travel, Darussalam Services, Firdaus Al-Munawwarah Travel Services, Freme Travel Services, Ghufran Travel & Tours, Halim Tours & Travel, J J Tour Service, Lamisa International Travel & Tours, Pan Bright Travel Service, Southern Cross Travel Agencies, Straits Central Agencies dan Titian Travel & Tours.

Sementara itu, pertumbuhan-pertumbuhan pelancongan negara yang ikut serta termasuk Lembaga Kemajuan Pelancongan Brunei, Lembaga Promosi Pelancongan Malaysia (Malaysia Tourism Promotion Board), Lembaga Pelancongan Sabah, Lembaga Pelancongan Sarawak, Pejabat Pentadbiran Pelancongan Taiwan Kuala Lumpur, dan Pihak Berkusa Pelancongan Thailand.

Pempamer lain yang mempunyai rerei mereka sendiri termasuk RB, Baiduri Bank Berhad, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Imagine Sdn. Bhd., Perbadanan TAIB dan Standard Chartered Bank.

Perkhidmatan insurans juga turut disediakan oleh Insurans Islam TAIB Holdings, National Insurance Company Berhad dan Takaful Brunei Am.

## Pertandingan sebarkan tentang isu sosial

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Azmah Haji Ahad



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 5 Oktober. - Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna menujuri

Pertandingan Akhir Kumpulan Bertindak 'A' Team Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Tahun 2024.

Sementara itu, tempat kedua disandang oleh Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS), manakala Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha memenangi tempat ketiga.

Juara Pameran Terbaik pula dimenangi oleh Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Penyampaian Terbaik disandang oleh Awang Aiman Raziq bin Haji Radin dari Sekolah Menengah Masin.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang pada majlis yang berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Acara dimulakan dengan



**PEMANGKU** Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang (kiri dan atas). Manakala gambar bawah kiri, sekitar Pertandingan Akhir Kumpulan Bertindak 'A Team' Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Tahun 2024.

bacaan Surah Al-Fatiyah dan doa, diikuti dengan pembentangan daripada lima pasukan dengan tajuk isu-isu sosial seperti buli, ketidakhadiran sekolah dan obesiti.

Pertandingan tersebut disertai oleh 28 buah sekolah menengah di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, di mana lima pasukan daripada lima buah sekolah telah berjaya mara ke peringkat akhir.

Tema Pertandingan Kumpulan Bertindak 'A' Team bagi Tahun 2024 adalah 'Kami PADULI (Prihatin, Empati, Didik, Ugama, Laporkan dan Intervensi)'.

Antara objektif pertandingan ini diadakan adalah untuk menyebarkan kesedaran dan

mendidik tentang isu-isu sosial agar para pelajar memfokuskan elemen daya tahan (*resilience*) tidak terpengaruh dengan perkara-perkara tersebut.

Di samping itu, pertandingan tersebut dapat menimbulkan kesedaran yang berterusan dalam kalangan pelajar dengan menggunakan pengaruh rakan sebaya dalam usaha menyampaikan mesej, membanteras dan menangani isu-isu sosial.

Pertandingan bagi peringkat saringan diungkayahkan oleh Kumpulan Bertindak 'A' Team di setiap sekolah masing-masing, manakala peringkat akhir pertandingan dikendalikan oleh Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan.



# TANAM PENGHAYATAN KONSEP MIB DALAM KALANGAN PELAJAR

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Ihsan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 5 Oktober. - Program Eksplorasi Melayu Islam Beraja (MIB) yang dikendalikan oleh Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi MIB dengan kerjasama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat Ilmu Teras dan Pusat Bahasa, dihasrat sebagai usaha untuk menanam kefahaman dan penghayatan yang lebih mendalam terhadap konsep MIB di mana ia disasarkan bagi pelajar-pelajar Sekolah Arab senegara.

Program berkenaan dilancarkan hari ini bertempat di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok di mana seramai 270 pelajar Tahun 9 menyertai program

berkenaan.

Hadir selaku tetamu khas dan seterusnya melancarkan program berkenaan, Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil.

Pengarah Pusat Ilmu Teras, KUPU SB, Awang Haji Md. Syahiran bin Haji Md. Sofian, selaku Pengurus Bersama Program dalam ucapannya berkata, generasi belia adalah aset paling berharga dalam pembangunan sesebuah negara. Justeru, penghayatan konsep MIB dalam jiwa belia amat penting untuk memastikan jati diri mereka sebagai warganegara Brunei yang teguh dengan agama, budaya dan kedaulatan institusi diraja.

"Menerusi program seperti ini, kita berharap dapat membekalkan

SEKITAR Program Eksplorasi Melayu Islam Beraja (MIB) yang dikendalikan oleh Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi MIB dengan kerjasama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat Ilmu Teras dan Pusat Bahasa (kiri dan atas).

pelajar-pelajar dengan pengetahuan yang mendalam mengenai konsep MIB dan mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian," ujarnya.

Beliau percaya bahawa pengalaman yang diperoleh para pelajar melalui program ini akan meninggalkan kesan yang mendalam, bukan sahaja dalam aspek pengetahuan, tetapi juga dalam membina jati diri yang kuat dan pada masa yang sama, program ini mampu menyemarakkan rasa cinta kepada raja dan negara, serta ketiaatan kepada undang-undang dan norma sosial yang telah menjadikan

negara kita sejak sekian lama.

Dalam program berkenaan, semua pelajar dibahagikan kepada 27 kumpulan dan diperlukan untuk menyelesaikan 10 *checkpoint* dalam tempoh yang ditetapkan. Dalam setiap *checkpoint*, pelajar perlu menyelesaikan soalan atau arahan yang dibentuk dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu.

Antara tema yang terdapat dalam *checkpoint* berkenaan termasuk konsep MIB, Pembentukan jati diri, penglibatan dalam masyarakat, cintakan raja, cintakan negara dan semangat berpasukan. Program berkenaan merupakan pengintegrasian antara kandungan elemen MIB dan bahasa Arab.

khazanah dan warisan negara.

Program antara lain bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan pelajar berkenaan elemen-elemen MIB menerusi *learning through activity* dan pada masa yang sama, meningkatkan kemahiran literasi bahasa Arab dengan mengintegrasikan kandungan MIB.

Dalam masa yang sama, program eksplorasi berkenaan juga diharapkan dapat mengasah kemahiran berfikir, kemahiran membuat keputusan dan semangat berpasukan. Program berkenaan merupakan pengintegrasian antara kandungan elemen MIB dan bahasa Arab.

## Hargai jasa, pengorbanan guru

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 6 Oktober. - Bersempena dengan Sambutan Hari Guru Kali Ke-34 Tahun 2024 serta bagi mengenang dan menghargai jasa seramai lima guru bagi Sekolah Ugama Kawasan Brunei I yang telah bersara, Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-Sekolah Ugama Kawasan Brunei I (JKPSSU Brunei I) petang tadi mengadakan Majlis Sambutan Hari Guru bagi Pegawai-pegawai dan Guru-guru Sekolah-Sekolah Ugama Kawasan Brunei I.

Hadir selaku tetamu khas majlis, Pegawai Pengajaran Islam Daerah



PEGAWAI Pengajaran Islam Daerah Kawasan Brunei I, Jabatan Pengajaran Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Halimatul Saadiah binti Haji Wahsafelah hadir selaku tetamu khas pada Majlis Sambutan Hari Guru bagi Pegawai-pegawai dan Guru-guru Sekolah-Sekolah Ugama Kawasan Brunei I.

Kawasan Brunei I, Jabatan Pengajaran Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Halimatul Saadiah binti Haji Wahsafelah.

Majlis yang diadakan di Dewan Telanai, Rasa Ceria Cafe @Telanai Avenue itu dimulakan dengan bacaan Selawat Tafrijiyah, Surah Al-Fatiyah dan Doa Kesukuran.

Menerusi ucapan alu-aluan yang

disampaikan oleh Pengurus Bersama, Awang Azmerul bin Haji Haris melahirkan harapan dengan penyampaian anugerah dan penghargaan tersebut akan lebih

lagi memberikan semangat serta motivasi kepada semua pegawai-pegawai dan guru-guru untuk terus menabur bakti kepada Sekolah-Sekolah Ugama Kawasan Brunei I.

Majlis juga turut diserikan dengan persembahan daripada Guru-Guru Perempuan dan Lelaki, yang diselangi dengan penyampaian cenderahati kepada Guru Bersara Tahun 2024.

Lima penerima cenderahati tersebut ialah mantan Guru Besar Sekolah Ugama Pintu Malim, Awang Emran bin Nayan; mantan Guru Sekolah Ugama Mabohai, Dayang Hajah Saadah binti Awang Haji Mohamad Taib; mantan Guru Sekolah Ugama BPUK Kampung Setia, Dayang Hajah Timbang binti Haji Mail; mantan Guru Sekolah Ugama BPUK Kampung Setia, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Lakat; dan mantan Guru Sekolah Ugama PAP Masna (pagi), Dayang Rosiah binti Haji Metussin.

Penghargaan juga diberikan kepada guru-guru Ugama Kawasan Brunei I dalam berbagai kategori iaitu Penyampaian Anugerah Khas.

Anugerah Guru Besar Mithali diberikan kepada Guru Besar Sekolah Ugama Haji Mohd. Jaafar Maun Kampung Kiulap, Dayang Meslia binti Haji Aisa; Anugerah Guru Besar Dedikasi diberikan kepada Guru Besar Sekolah Ugama Pulaie, Dayang Rosmawati binti Raya; Anugerah Sekolah Taman Hijau bagi Kategori Sekolah

Ugama Khas diberikan kepada Sekolah Ugama Begawan Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar, Kampung Setia; dan Anugerah Sekolah Taman Hijau bagi Kategori Sekolah Ugama Guna Sama diberikan kepada Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Besar, Kampung Sungai Kebun.

Majlis turut diserikan dengan Cabutan Nama Bertuah dan diakhiri dengan sesi bergambar

ramai.

Antara tujuan majlis diadakan adalah menghargai keterlibatan Guru-guru Besar dan juga Sekolah-sekolah Ugama Kawasan Brunei I yang menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang tahun.

Majlis juga dapat mengeratkan silaturahim antara para pegawai dan guru-guru ugama yang terlibat.

## HASRAT NEGARA

### >> Muka 2

Dalam suasana pembelajaran menjurus kepada ekspektasi baharu, maka kesejahteraan para guru pemacu utama perubahan mestilah terus dijaga. Aspek ini penting kerana ia mempengaruhi kerjaya para guru. Bagi memastikan kesejahteraan guru-guru kita dipeduli, maka beta dengan semangat penuh simpati memperkenankan bagi para guru di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan KHEU untuk diberikan Cuti Ihsan semasa sesi penggal persekolahan mengikut garis panduan dan syarat yang ditetapkan yang akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2025, beta berharap, ihsan ini hendaklah akan dapat meningkatkan lagi prestasi dan motivasi para guru.

Akhirnya, beta dengan tulus ikhlas mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga guru di negara ini. Semoga segala usaha serta sumbangan mereka yang sangat berharga itu akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Beta juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para penerima Anugerah Hari Guru pada tahun ini. Semoga penganugerahan ini akan menjadi sumber dan inspirasi dan pencetus semangat kepada semua warga guru.

Sekian, *Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# سرداله سوچي

## منجاك دان مدوولي ورك امس

قد اوسيا اينله كياسانن إيو باف يع منجافي عمرور لنحوت معهندقى دان  
مرلوكن فرهاتين سرتا كاسيه سايغ درفه أنت-أنتق. سباكتي ساورغ أنتق،  
ادكلان برماجم-ماجم قرينه يع كيت هادفي دالم منجاك اورغ توا.

جماعه يع درجمي الله،  
دالم مفهادى سيتواسى دمكين، سباكتي ساورغ أنتق، كيت هندقله برصير  
ملايانى قرينه مريك، جاعن سكالي-كالي مارهى، معهربدين، معكترق دان  
موکول اورغ توا کران فربواتن سديمكين اکن مغکورپس دان مپاکيپن هاتي  
مريك. جاس دان قفوريانن مريك دالم منجاك دان مبىرسکن كيت، تيدق اکن  
دافت كيت بالس والو دعن باوا، هرنا دان واغ ريعكىت. ايغله، القرآن تله  
ملنکن کواچن بريېنىي کند إيوپاٹ ترماسوق افیل مريك منجافي اوسيما توا  
سجوروس سلش قرينه بريمان کند الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دان تيدق مېکرتوکن.  
فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دالل سورة الإسراء آية ٢٣:

سسوغکوهن ورك امس مقویای حق اوتنوق مندافت کاسيه سايغ دان  
فعحرمن. ستاباف إنديبيدو فرلو ماينکن فرانتن سباكتي ساورغ فنحاله لبيه-  
لبيه لاکي افیل مريك متهيدف فیاکيت ترنتو سام اد كصيحتن جسمى اناو  
مولاه کاویان مینتالن. اي مرلوکن کند كصیران دان کچکالن هاتي. دالم  
حال اين رسول الله ﷺ مرنېتھکن اومتن اوتنوق معحرمني اورغ توا  
دان معاخور کن اوتنوق منجاك حق مريك. فرکارا اين تله دجلسکن دالم سواه  
حديث يکيندا. درفه انس بن مالک رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، رسول الله ﷺ برسيدا:  
لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَرْجِمْ صَبَرِتَا وَنُؤْقَرْ كَبِيرَتَا.

مقصودن:  
بوکنه درفه کولوغن کامي بارغشیاف يع تيدق مفاسىهي کانق-کانق  
دان تيدق معحرمني اورغ ديواس. {حدیث روایة ترمذی}

دالم حدیث يع لain، رسول الله ﷺ اد مبریکن ثلوان تنبع  
عملن يع بولیه دلاکوکن اوله سساورغ سباكتي اوسيما منجافي کريضان الله  
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى سهېيڭ موده اوتنوق ماسوقى شرك. درفه أبو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، نجي  
قال: مَنْ أَذْرَكَ أَبْوَيْهِ عِنْدَ الْكَبِيرِ أَحْدَهُنَا أَوْ كَلِّهِمَا فَلَمْ يَدْخُلِ الْجَنَّةَ .

مقصودن:  
أمت روکي، أمت روکي، أمت روکي. بکندا دنان: "سياف (يع أغکارا  
مقصودن) واهاي رسول الله؟" رسول الله منجواب: "سياف سهاج يع  
مقویای اورغ توان کېكى سوده لنحوت اوسيما، ساله ساتو اتاو کلوان نامون  
تيدق (منجاديکن سبب) ماسوق شرك." {حدیث روایة إمام مسلم}

جماعه يع درجمي الله،  
الحمدله، باکي كيت يع تېشكىل دنکارا اين، كيت فاتوت مراس برشكور  
کران کراجان کباوه دولي يع مها ميلا فادك سري بکندا سلطان دان يع  
دېرتوان نکارا بروني دارالسلام أمت معميل برت ترهادف کياجيقن ورك  
امس. ورك امس دنکارا اين تيدق داپاکن بکيتو ساج، ماله مريك دېرىکن  
فعدولين دعن بتتوان-بتتوان يع سواجرن.

فرلو دايغت، بهاوا تېڭۈچۈجواب ترهادف ورك امس بوکن هان منجادي  
تېڭۈچۈجواب کراجان سهاج، اکن تيافي سقاوتون كيت سيرا خصوصىن أنت-  
أنت لبيه برتقۇغۇچواب ترهادف مريك. ورك امس تيدق سقاوتون داغكىش  
سباكتي ساتو بين دان داپاکن کياجيقن. تياد اۋ يع لبيه برمىنى اوتنوق  
دېرىکن کند ورك امس دالم منيي اوسيما مريك سلاين دېرىکن فرهاتين دان  
کاسيه سايغ اوله أنت-أنت مريك.

تفسير:  
دان توھنۇ تله مريتهکن سوفاي کامو جاعن مېمبە ملاينکن دى  
سات-مات دان هندقله کامو بربوات بایك کند ايو باف دعن سباكتي-  
باکن. جىك ساله ساورغ درفه مريك بردوا اتاو کدوا-دوان برعمور لنحوت  
دالم جاگان دان قىلەرلەر مك جاعنله سكالي-كالي اغکار مغاتكىن کند  
كلوا-دوان (سسوواتو فرکاتان يع بولیه مېغىكۈرۈغ فرسان سفترى فرکان) "اھ"  
دان جاعنله اغکار مغىكىغىي كدوا-دوان تيافي اوچقىكىلە کند کدوا-دوان  
فرکاتان يع ملما (دعن بىرلە لمبىت دان برسوفن ستتون).

اولىي يع دمكين، سام-سامله كيت معحرمني دان منجاك کياجيقن ورك  
امس دعن مېرىكىن کاسيه سايغ دان مىستىكىن كىسىفونان هيدوف مريك.  
سباچقىن جاعنله كيت مغاباکىن دان منسيا-سباكتي مريك. مريك اداله جنراىمى  
يع تردهلو يع تله باپق برقىبان دان بېمۇيغىي کند کلوارك دان مشاركە. مارىلە  
كىت سام-سام منداغەن كىسجهتأن مريك دان سۈرۈك مريك اکن ستياس  
مندافت فېلىنۇغۇن درفه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. آمين يا رَبُّ العالمين.

تفسير:  
دان هندقله اغکار مرنەه دىرىي دعن قۇوه کاسيه سايغ دان بردعاء له  
(اوتنوق کدوا-دوان): "يا توھن! کورنائىكلە رحمة کند مريك بودوا  
سباكتيمان مريك تله ملەھارا دان مندىيىقىكى سەق كەھىل (لاکى)."  
{سورة الإسراء آية: ٢٤}

بارك الله لنا في القرآن العظيم، ونفعنا بالآيات والذئب الحكيم. وتثبئن متنا  
يَا وَلَهُ إِنَّهُ هُوَ الْأَعْلَمُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَأْلِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا حَمَّةَ  
الثَّالِثِينَ.

جماعه يع درجمي الله،  
برتقرى له كيت كحضره الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دعن منيغىتكىن كليانان كفداش.  
سسوغکوهن اورغ يع فالىع ملما ديسىسى الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت ايله اورغ يع فالىع  
برتقرى. موە-مودەن كيت منجادي إنسان يع ستياس معایېتى الله  
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براوله كچيان دان كسلامن دنیا دان جوڭ داخىرە.

جماعه يع درجمي الله،  
الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى بىرۇمان دالل سورة غافر، آية ٦٧:

تفسير:

دېاله يع منجيقىتاکن کامو درفه تانه، کمودىن درفه (فرجانەمن) اير  
مانى (لاکي-لاکي دان فرمۇغان)، کمودىن درفه سکومقل داره بکو،  
کمودىن دي مغلواركىن کامو (درفه كىندوغۇن إيو کامو) بروفا کانق-کانق،  
کمودىن کامو (دقىھارا) هيچك ديواس، کمودىن (کامو دېچىشكىن عمر)  
ھېشك اد يع سقى منجادي توا. دان اتارا کامو اد يع دماتىكىن سېلۇم ايت.  
(الله ملاکوكن يع دميكىن) سوفاي کامو سېقىي كفداڭ اجل يع دتنتوکن دان  
سوفاي کامو مەھمەن.

اتارا فظرە كېبىدۇقىن كيت ددنىا اين، كيت اکن ملالۇي بېراف فروسىس  
 fasas. بېرۇملا درفه فاسا دالم كىندوغۇن إيو، فاسا سلسەن كلاھىران، فاسا کانق-  
كانق، فاسا ديواس دان اخىرىن جىك دېچىشكىن عمر، اکن ماسوقى فاسا  
قۇۋان. قىد كېتىك اوسيما توا ايت، سىجارا سۇولا جادىن كيت اکن برادا دالم  
سېرىبا كىكۆراغۇن بېرىندىغ ماس مودا سام اد درىي سكىي كەقۋان فيزىكىل، داي  
إيغۇن دان جوڭ ئەلوسى. اينلە سەنە الله كېتىك اوسيما توا، الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اکن  
منارىق باليق نۇمة ساتۇر ئەرساتىر. كېتىلە، بېلاوا سماكتىن بېرىۋە عمر مائىسى  
ايت بىرأتى سماكتىن كورغۇچىلەن سەقلىك دان سماكتىن هەمچىر قوللا كفداڭ أچلىن.  
قۇرۇپ فاسا-فاسا اين اکن دلالوەي سباكتيمان فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دالل  
سورة الرۇم آية ٥٤:

تفسير:

الله يع منجيقىتاکن کامو درفه کادان له، مىلسەن بېركادان له ايت دى  
منجاديکن کامو بېركادان قوات (مودا)، ستلە ايت دى منجاديکن کامو له  
سۇولا دان تو بىرأوين. دى منجيقىتاکن اۋ يع دكەنلىقىن، دان دى مەھمەن  
لاکي مەھا بېركواس.

دالل أکام إسلام، دكۈرنياکن دعن عمرور يع قىنجىغ بوكىلە ساتو مىسالە  
اتاو ين، سباچقىن اي اداله قروسىس بىاس دان بېرتوچوان اتاران مغۇچى تاھەف  
كليانان كيت سلاکو هىما دالم مفهادى سيتواسى بىرکان. دىمەنچى ايت، اي  
برسەكوت قاولت دعن ساله ساتۇ كېغىكا فوکوك اچاران إسلام تىلە مغاتور سوڭلۇخ  
سلالىن عقيدة دان شىرعە. سسوغکوهن أکام إسلام تىلە كۈچىن مېتىنى دان  
ايت سىجارا مىستىماڭىن دان تېرىنچى، اتاران فېيىت دان كواچىن مېتىنى دان  
معحرماتى وركا امس لېيە-لېيە لاکي ترهادف كدوا-دوان يع.

جماعه يع درجمي الله،

# CERAMAH MOTIVASI BAGI PERSIAPAN PSR



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Oktober. - Bagi menyuntik semangat dan dorongan motivasi

kepada pelajar-pelajar Tahun 6 yang akan menghadapi Peperiksaan Penilaian Sekolah

Rendah (PSR) pada bulan Oktober ini, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

ANTARA yang hadir mendengarkan Ceramah Motivasi bertajuk 'Baik Tu Mulah Ninimu Atu' yang disampaikan oleh fasilitator undangan, Ketua Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor (kiri dan kanan).



'Baik Tu Mulah Ninimu Atu' yang disampaikan oleh fasilitator undangan, Ketua Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor.

Program diselanjurkan dengan Sembahyang Sunat Hajat, bacaan Surah Yaa Siin dan doa yang dipimpin oleh Awang Haji Hazwan bin Haji Salim. Antara yang hadir ialah Pemangku Pengetua, Dayang Hajah Surinah binti Haji Kula, timbalan pengetua akademik rendah dan menengah, guru-guru serta ibu bapa pelajar-pelajar Sanah 6.

## Pendedahan teknik pemarkahan bagi peperiksaan



SUB-unit Al-Quran, Unit Akademik dan Peperiksaan, Bahagian Sekolah Ugama, JPI, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Rohani binti Haji Kamis hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan (atas). Manakala gambar atas kanan dan bawah kiri, sekitar majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Oktober. - Dalam usaha meningkatkan bimbingan dan

latihan kemahiran guru-guru di Sekolah-sekolah Ugama Kawasan Brunei IIA, Jabatan Pengajaran Islam (JPI) melalui Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-sekolah Ugama, Kawasan Brunei IIA telah mengadakan Kongsi Sama Amalan Pentaksiran Sistem Pemarkahan bagi Mata Pelajaran Al-Quran dan Amali di Dewan Serbaguna Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop, hari ini.

Hadir selaku tetamu khas ialah Sub-unit Al-Quran, Unit Akademik dan Peperiksaan, Bahagian Sekolah Ugama, JPI, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Rohani binti Haji Kamis.

Seramai 43 guru ugama daripada 13 buah sekolah menghadiri kongsi sama yang menyasarkan guru-guru ugama

Darjah IV, V dan VI di samping menjana tenaga pengajar yang berkelayakan melalui pendedahan teknik pemarkahan bagi peperiksaan dalaman sekolah.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat oleh Awang Haji Aziman bin Haji Amit dan diakhiri dengan penyampaian sijil dan cenderahati.

Kongsi sama disampaikan oleh dua fasilitator iaitu Tenaga Pengajar dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Haja Masna, Sungai Akar, Dayang Hajah Mariam binti Haji Bini yang mengongsikan sistem pemarkahan mata pelajaran Al-Quran dan Dayangku Herney Zuraidah binti Pengiran Haji Rosley dari Sekolah Ugama Lambak Kanan (sesi petang) bagi mata pelajaran Amali.



### LUPA TOKEN PSCR 2.0?



### CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961) atau E-mel (query@spa.gov.bn) serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan

Oleh : Nurul Rasyidah  
Mohamad Rosland  
Foto : Jabatan Penerangan

# Permaisuri pengasih, permata hati rakyat

**K**EPRIHATINAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha

Pengiran Anak Hajji Mohamed Alam terhadap rakyat jelata merentasi pelbagai lapisan tanpa mengira latar belakang keperibadian, dedikudan bahkan sikap rendah diri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ini juga telah menempatkan baginda di hati masyarakat sebagai permaisuri yang memahami jiwa rakyat. Ini menjadikan baginda sebagai salah satu jambatan yang merapatkan institusi raja dengan rakyat.

Selain Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri terkenal sebagai permaisuri yang sentiasa memberikan perhatian kepada rakyat jelata, baginda juga sering kali menjadi perhatian para wanita di negara ini dengan menjadikan baginda sebagai contoh wanita Muslimah terutama sekali dari segi penampilan baginda yang sentiasa tampil sopan dan anggun dengan gaya Muslimah. Baginda sekali gus menjadi contoh bukan hanya kepada para wanita di negara ini tetapi juga dalam kalangan kerabat diraja lainnya.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri seorang permaisuri yang berkeperibadian ayu, anggun, menawan dan sopan menjadikan baginda lambang kegemilangan wanita Melayu. Bagi rakyat, baginda adalah seorang ikon wanita Muslimah yang berhemah tinggi dan taat beragama.

Ramai mengenal baginda sebagai seorang insan yang sentiasa merendah diri dan mempunyai sifat pemedulian yang tinggi. Keaktifan baginda dalam pelbagai aktiviti sama ada aktiviti kemasyarakatan mahupun

keagamaan menunjukkan rasa kasih baginda terhadap rakyat dan semangat baginda dalam bergandingan bersama untuk menjayakan salah satu tonggak, Wawasan Brunei 2035.

Selain menjadi figura yang disanjenng tinggi di negara ini, baginda adalah seorang permaisuri yang menjadi pendukung utama dan tulang belakang kepada pemimpin kita. Ini dapat dilihat bagaimana baginda sentiasa setia berada di sisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memberi semangat dan sokongan terhadap baginda.

Manakala bagi kaum hawa pula baginda merupakan lambang wanita yang berjaya kental dan berkarsa. Baginda membuktikan bahawa wanita mampu menggerakkan dan memimpin masyarakat sebagai contoh wanita Muslimah terutama sekali dari segi penampilan baginda yang sentiasa tampil sopan dan anggun dengan gaya Muslimah. Baginda sekali gus menjadi contoh bukan hanya kepada para wanita di negara ini tetapi juga dalam kalangan kerabat diraja lainnya.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri seorang permaisuri yang berkeperibadian ayu, anggun, menawan dan sopan menjadikan baginda lambang kegemilangan wanita Melayu. Bagi rakyat, baginda adalah seorang ikon wanita Muslimah yang berhemah tinggi dan taat beragama.

Ramai mengenal baginda sebagai seorang insan yang sentiasa merendah diri dan mempunyai sifat pemedulian yang tinggi. Keaktifan baginda dalam pelbagai aktiviti sama ada aktiviti kemasyarakatan mahupun

tinggi yang menyumbang kepada tingginya rasa kasih sayang rakyat terhadap baginda dan menjadikan baginda seorang insan yang disanjenng oleh orang ramai dalam negeri ini mahupun negara luar.

**Bonda keluarga, bona negara**

Kasih ibu membawa ke syurga, kasih ayah sepanjang jalan, begitulah perumpamaan yang dapat dinukilkan untuk Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri. Sebagai permaisuri negara, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri menjalankan amanah yang dianjal mandampingi suami baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tetapi pada sati sisi lain, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga tanpa kekok menjalankan tanggungjawab baginda sebagai bona kepada paduka-paduka anakanda. Seperti ibu-ibu lain, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga mahukan semua paduka-paduka anakanda berjaya dalam kehidupan sama ada di dunia dan juga di akhirat. Justeru, pendidikan duniawi serta ukhwari disematkan kepada paduka-paduka anakanda. Di sebalik kelembutan dan kasih

sayang seorang bonda, terselit ketegasan tetapi punuh kebijaksanaan terhadap paduka-paduka anakanda agar mereka berjaya.

Apabila berada di luar lingkungan istana, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri menjadi bonda kepada seluruh rakyat di negara ini tanpa mengira puak dan agama. Keprihatinan serta sikap pemedulian baginda dapat dilihat ketika menyantuni rakyat dalam pelbagai acara yang diadakan. Dengan senyuman yang sentiasa meniti di bibir, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri menunjukkan contoh terbaik sebagai permaisuri yang berjaya rakyat.

## Simbol kepimpinan wanita Islam

Dari segi kepimpinan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri pula, baginda adalah salah satu simbol kepimpinan sama ada dalam negeri mahupun luar negara yang melibatkan hal ehwal antarabangsa, kepimpinan dalam negeri pula dapat dilihat secara langsung menerusi peranan baginda sebagai seorang bona dalam mencorakkan dan memastikan putera-puteri baginda memiliki keperibadian serta akhlak yang mulia, taat dan berbakti kepada kedua ibu bapa, keluarga, masyarakat dan negara sekali gus baginda juga turut mencurahkan sepenuh kasih sayang baginda dengan melaksanakan tanggungjawab baginda memberikan pendidikan agama yang berterusan. Peranan baginda yang tulus ikhlas inilah juga menjadikan keluarga diraja sebagai teladan kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD).

Apabila lagi apabila baginda berkenan berangkat ke Majlis Ilmu, Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulid Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan Majlis Khatam Al-Quran bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga mahukan semua paduka-paduka anakanda berjaya dalam kehidupan sama ada di dunia dan juga di akhirat. Justeru, pendidikan duniawi serta ukhwari disematkan kepada paduka-paduka anakanda. Di sebalik kelembutan dan kasih

wata'ala sekali gus juga menjadi contoh menjadikan baginda ikon kepada rakyat jelata amnya dan wanita Muslimah khususnya di negara ini.

## Kelembutan permaisuri kesayangan

Meskipun Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dilihat begitu berwibawa sebagai permaisuri negara tetapi dari sisi lain, terserai kelembutan baginda yang menyukai bunga-bunga terutama sekali Bunga Anggerik. Seperti bunga, kelembutan baginda begitu menarik hati seluruh rakyat, anggun dan mempesona tetapi begitu menyelerah.

Minat dan daya tarikan terhadap bunga-bunga menjadi simbol pada kelembutan, kecantikan serta daya mempesona. Tidak hairanlah jika pelbagai jenis Anggerik dinamakan bersemesta dengan nama Kebawah DYMM semasa membuat lawatan ke luar negera seperti Singapura dan Malaysia. Bunga-bunga Anggerik tersebut ialah Dendrobium Saleha, Dendrobium Hassanal Saleha, Papilionanda Queen Saleha.

## Setia mendampingi Kebawah DYMM

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga aktif melakukan pelbagai tugas rasmi sebagai permaisuri. Selain mendampingi Kebawah DYMM menghadiri mesyuarat-mesyuarat ataupun kunjungan rasmi, baginda juga bertanggungjawab sebagai penaung kepada pelbagai pertubuhan di negara ini seperti Majlis Wanita NBD, Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam. Ini jelas menunjukkan keperibadian Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri begitu menitikberatkan tanggungjawab yang digalas sama ada tanggungjawab terhadap keluarga baginda tetapi juga terhadap rakyat di negara ini.

Kesetiaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika mendampingi dan mengiringi keberangkatan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri sebagai penghargaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

mahupun luar negara. Keberangkatan baginda berdua sangat dinanti-nantikan. Keceriaan, kemesraan dan keramahan yang terpancar pada wajah baginda berdua mencerminkan rasa kasih dan sayang yang disenangi oleh masyarakat. Bukan itu sahaja, baginda berdua juga tidak terlepas daripada sorotan lensa-lensa kamera saat menghadiri apa jua acara.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga aktif dalam aktiviti keagamaan dengan berkenan berangkat ke majlis-majlis yang berkaitan dengan keagamaan seperti majlis mengurniai daging ibadah korban kepada penerima khas bersemesta menyambut Hari Raya Aidiladha dan Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diadakan pada setiap tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, dalam mengukuhkan lagi persahabatan bersama negara sahabat, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga berkenan berangkat menghadiri Istiadat Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim yang berlangsung di Balairung Seri, Istana Negara, Kuala Lumpur pada 20 Julai 2024.

Keberangkatan baginda berdua ke luar negara memperlihatkan aspirasi baginda berdua dalam menjaga hubungan silaturahim dan kekeluargaan sesama negara-negara sahabat.

## Mercu tanda

Di atas kebijaksanaan serta budi pekerti luhur Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga beberapa mercu tanda dibina atas nama Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri sebagai penghargaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Antara mercu tanda yang dibina ialah Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha; Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) di Bandar Seri Begawan; Pusat Perempuan dan Kanak-kanak Hospital RIPAS; Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di Kampung Bira, Mukim Keriam, Daerah Tutong; Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Rimba; Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di Bandar Seri Begawan; Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di Kampung Saba Darat 'B'; dan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha di Jalan Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Kampung Katok.

## Dirgahayu Kebawah Duli Tuan Patik

Keperibadian tinggi serta keikhlasan hati Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri sebagai permaisuri di hati rakyat negara ini sudah setentunya perlu dijadikan contoh kepada kita semua selaku rakyat dan penduduk di bumi bertuhu ini apakah lagi baginda merupakan seorang permaisuri yang sentiasa menjaga adab dan sopan santun baginda baik saat menyantuni rakyat baginda mahupun ketika menerima kedatangan para tetamu dari luar negara dan inilah yang menjadi satu kebanggaan kita dan amat bersyukur kerana dikurniakan dengan seorang permaisuri yang prihatin serta pemeliharaan terhadap rakyat baginda.

Merafak sembah settinggi-tinggi tahniah ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri sempena Hari Puja Usia baginda. Semoga Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dilanjutkan usia, dikuinaiakan kesejahteraan dan keafian yang berterusan, iman yang kukuh, rahmat dan taufik serta hidayah. Dirgahayu Kebawah Duli Tuan Patik.





MAHKAMAH RENDAH SYARIAH  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Perintah Acara Mal  
Mahkamah-Mahkamah  
Syariah 2005  
Saman Gantian  
Dalam Mahkamah Rendah  
Syariah  
Di Daerah Belait,  
Negara Brunei Darussalam

Kes Mal Bilangan :  
KB / MRS / MAL-B / S010A /  
0136 / 08-2024

Antara

Nurul E'zzati  
binti Mohamad Yahabe  
- Plaintiff / Pemohon

Dan

Pengiran Abdul Qahhaar  
bin Pengiran Haji Mohiddin  
- Defendant / Respondent

Tuntutan :  
Cerai Fasakh

Kepada : Pengiran Abdul  
Qahhaar bin Pengiran Haji  
Mohiddin (Defendant yang  
dinamakan di atas), Alamat  
Terakhir : No.A2, Simpang 161, Kg  
Selayun, Jalan Sungkurong B,  
BG1721, Negara Brunei  
Darussalam.

Kamu adalah dengan ini disaman  
supaya hadir secara sendiri atau  
melalui Peguam Syarie kamu di  
hadapan **Mahkamah Rendah  
Syariah Daerah Belait** pada  
**Rabu, 13 Rabiuulakhir 1446H**  
bersamaan **16 Oktober 2024M**  
pada jam **11.00 Pagi** untuk  
menjawab tuntutan terhadap kamu  
oleh plaintiff yang dinamakan di  
atas, yang mana butir-butir dalam  
tuntutan itu seperti dinyatakan  
dalam Penyataan Tuntutan yang  
diendorskan.

Sila ambil perhatian bahawa jika  
kamu ingkar hadir di mahkamah  
pada hari dan masa yang  
ditetapkan, Mahkamah boleh  
meneruskan untuk mendengarkan  
dan memutuskan kes tanpa  
kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika  
kamu ingin membela diri  
terhadap tuntutan tersebut, kamu  
hendaklah memfailkan di  
Mahkamah ini dan menyampaikan  
kepada Plaintiff suatu pembelaan  
dalam Borang yang ditetapkan  
sebelum tarikh yang disebut di atas  
atau hadir di Mahkamah pada  
tarikh itu.

Bertarikh :  
8 Rabiuulawal 1446H /  
12 September 2024M

Meterai Ditandatangani secara  
digital oleh

Mohd Faidzal bin Haji Wahab  
Mahkamah Rendah Syariah  
Daerah Belait  
Negara Brunei Darussalam



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tarawan:  
MINDEF / DFA / FY2024 / LB /  
TA / 031  
Pembekalan Kain Serta  
Pemotongan Baju Seragam Bagi  
Anggota-Anggota Bersenjata  
Diraja Brunei

Yuran Tarawan:  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian  
Borang Tarawan adalah satu (1)  
minggu sebelum tarikh tutup  
tarawan, iaitu  
**Selasa, 22 Oktober 2024**

Tarikh Tutup Tarawan:  
Selasa,  
29 Oktober 2024  
2.00 Petang



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

1. DA / JKSH / 95 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]  
Sebut Harga Membekal Dan  
Menghantar Keperluan  
Rancangan Pemakanan Sekolah  
Bahagian Skim Minum Bagi :  
1. Sekolah Rendah Pg. Anak  
Puteri Besar, Sungai Kebun  
2. Sekolah Rendah Sungai  
Siamas  
Kementerian Pendidikan.  
Daerah Brunei Muara.  
Kod Blok : SM/04  
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

2. DA / JKSH / 96 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]  
Sebut Harga Membekal Dan  
Menghantar Keperluan  
Rancangan Pemakanan Sekolah  
Bahagian Skim Minum Bagi :  
1. Sekolah Rendah Berakas  
Garison  
2. Sekolah Rendah Pantai  
Berakas  
Kementerian Pendidikan.  
Daerah Brunei Muara.  
Kod Blok : SM/08  
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

3. DA / JKSH / 97 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]  
Sebut Harga Membekal Dan  
Menghantar Keperluan  
Rancangan Pemakanan Sekolah  
Bahagian Skim Minum Bagi :  
1. Sekolah Rendah Haji Mohd  
Salleh, Sungai Hanching  
2. Sekolah Rendah Tanah Jambu  
Kementerian Pendidikan.  
Daerah Brunei Muara.

## IKLAN

Kod Blok : SM/11  
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

4. DA / JKSH / 98 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]  
Sebut Harga Membekal Dan  
Menghantar Keperluan  
Rancangan Pemakanan Sekolah  
Bahagian Skim Minum Bagi :  
1. Sekolah Rendah Bebuloh  
2. Sekolah Rendah Kasat  
3. Sekolah Rendah Putat  
4. Sekolah Rendah Nakhoda  
Abdul Rashid, Menunggol  
5. Sekolah Rendah Tanjong  
Kindana  
Kementerian Pendidikan.  
Daerah Brunei Muara.  
Kod Blok : SM/27  
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

5. DA / JKSH / 99 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]  
Sebut Harga Membekal Dan  
Menghantar Keperluan  
Rancangan Pemakanan Sekolah  
Bahagian Skim Minum Bagi :  
Sekolah Rendah Dato Haji Mohd  
Yassin, Kg Perpindahan Mentiri  
Kementerian Pendidikan.  
Daerah Brunei Muara.  
Kod Blok : SM/33  
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

6. DA / JKSH / 100 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]  
Sebut Harga Membekal Dan  
Menghantar Keperluan  
Rancangan Pemakanan Sekolah  
Bahagian Skim Minum Bagi :  
Sekolah Rendah Rimba I, Kg  
Perpindahan Rimba  
Kementerian Pendidikan.  
Daerah Brunei Muara.  
Kod Blok : SM/34  
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

7. DA / JKSH / 101 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]  
Sebut Harga Membekal Dan  
Menghantar Keperluan  
Rancangan Pemakanan Sekolah  
Bahagian Skim Minum Bagi :  
Sekolah Rendah Katok, Tungku,  
Kg Tungku  
Kementerian Pendidikan.  
Daerah Brunei Muara.  
Kod Blok : SM/38  
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

8. DA / JKSH / 102 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]  
Sebut Harga Membekal Dan  
Menghantar Keperluan  
Rancangan Pemakanan Sekolah  
Bahagian Skim Minum Bagi :  
1. Sekolah Rendah Sinaut  
2. Sekolah Rendah Bukit Panggal  
3. Sekolah Rendah Keriam  
Kementerian Pendidikan.  
Daerah Tutong.  
Kod Blok : SM/45  
Bagi Tempoh Enam (6) Bulan

9. DA / JKSH / 103 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]  
Sebut Harga Membekal Dan  
Menghantar Keperluan  
Rancangan Pemakanan Sekolah  
Bahagian Skim Minum Bagi :  
1. Sekolah Rendah Lamunin  
2. Sekolah Rendah Rambai  
3. Sekolah Rendah Bukit Udal  
Kementerian Pendidikan.  
Daerah Tutong.  
Kod Blok : SM/46  
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

10. DA / JKSH / 104 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]  
Sebut Harga Membekal Dan  
Menghantar Keperluan  
Rancangan Pemakanan Sekolah  
Bahagian Skim Minum Bagi :  
1. Sekolah Rendah Sungai Liang  
2. Sekolah Rendah Lumut  
Kementerian Pendidikan.  
Daerah Belait.  
Kod Blok : SM/50  
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

11. DA / JKSH / 105 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]  
Sebut Harga Membekal Dan  
Menghantar Keperluan  
Rancangan Pemakanan Sekolah  
Bahagian Skim Minum Bagi :  
Sekolah Rendah Sungai Tali,  
Kuala Belait  
Kementerian Pendidikan.  
Daerah Belait.  
Kod Blok : SM/54  
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

12. DA / JKSH / 106 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]  
Sebut Harga Membekal Dan  
Menghantar Keperluan  
Rancangan Pemakanan Sekolah  
Bahagian Skim Minum Bagi :  
1. Sekolah Rendah Sultan  
Hashim, Batu Apoi  
2. Sekolah Rendah Rataie  
Kementerian Pendidikan.  
Daerah Temburong.  
Kod Blok : SM/58  
Bagi Tempoh Empat (4) Bulan

13. DA / JKSH / 107 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]  
Sebut Harga Membekal Dan  
Menghantar Keperluan  
Rancangan Pemakanan Sekolah  
Bahagian Skim Minum Bagi :  
Sekolah Rendah Katok B  
Kementerian Pendidikan.  
Daerah Brunei Muara.  
Kod Blok : PH/T3  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

14. DA / JKSH / 108 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]  
Sebut Harga Membekal Dan  
Menghantar Keperluan  
Rancangan Pemakanan Sekolah  
Bahagian Makan Bagi :  
1. Sekolah Rendah Selapon  
2. Sekolah Rendah Semabat  
Kementerian Pendidikan.  
Daerah Temburong.  
Kod Blok : MKN/11  
Bagi Tempoh Enam (6) Bulan

15. DA / JKSH / 109 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]  
Sebut Harga Membekal Dan  
Menghantar Keperluan  
Rancangan Pemakanan Sekolah  
Bahagian Asrama Makan Bagi :  
1. Sekolah Rendah DMS Dian  
Sukang  
2. Sekolah Rendah Melilas  
Kementerian Pendidikan.  
Daerah Belait.  
Kod Blok : AM/01  
Bagi Tempoh Enam (6) Bulan

16. DA / JKSH / 110 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]  
Sebut Harga Membekal Dan  
Menghantar Keperluan  
Rancangan Pemakanan Sekolah  
Bahagian Asrama Kering Bagi :  
Maktab Duli Pengiran Muda  
Al-Muhtadee Billah, Gadong  
Kementerian Pendidikan.  
Daerah Brunei Muara.  
Kod Blok : AK/01  
Bagi Tempoh Enam (6) Bulan

17. DA / JKSH / 111 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]  
Sebut Harga Membekal Dan  
Menghantar Keperluan  
Rancangan Pemakanan Sekolah  
Bahagian Asrama Kering Bagi :  
Sekolah Menengah Pg Jaya  
Negara  
Pg Haji Abu Bakar, Mumong,  
Kuala Belait  
Kementerian Pendidikan.  
Daerah Belait.  
Kod Blok : AK/07  
Bagi Tempoh Enam (6) Bulan

18. DA / JKSH / 112 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]  
Sebut Harga Membekal Dan  
Menghantar Jamuan Harian  
Sarapan Pagi Secara Tapau Bagi  
Program Harapan :

Sekolah Rendah Semabat  
Kementerian Pendidikan.  
Daerah Temburong.  
Kod Blok : PH/S7  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

19. DA / JKSH / 113 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]

Sebut Harga Membekal Dan  
Menghantar Keperluan-Keperluan  
Pemakanan (Makan Tengahari)  
Bagi Program Harapan :  
Sekolah Rendah Nakhoda Abdul  
Rashid, Menunggol  
Kementerian Pendidikan.  
Daerah Brunei Muara.  
Kod Blok : PH/T2  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

20. DA / JKSH / 114 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]

Sebut Harga Membekal Dan  
Menghantar Keperluan-Keperluan  
Pemakanan (Makan Tengah Hari)  
Bagi Program Harapan :  
Sekolah Rendah Merangking  
Kementerian Pendidikan.  
Daerah Belait.  
Kod Blok : PH/T3  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

21. DA / JKSH / 115 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]

Sebut Harga Membekal Dan  
Menghantar Minuman Kotak  
Tenusu Bagi Program Harapan :  
1. Sekolah Rendah Abdul Rashid,  
Tanjong Maya  
2. Sekolah Rendah Kg Menengah  
Kementerian Pendidikan.  
Daerah Tutong.  
Kod Blok : PH/ST6  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

22. DA / JKSH / 116 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]

Sebut Harga Membekal Dan  
Menghantar Minuman Kotak  
Tenusu Bagi Program Harapan :  
Sekolah Rendah Serasa, Muara  
Kementerian Pendidikan.  
Daerah Brunei Muara.  
Kod Blok : PH/ST11  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

23. DA / JKSH / 117 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]

Sebut Harga Membekal Dan  
Menghantar Minuman Kotak  
Tenusu Bagi Program Harapan :  
Sekolah Rendah Orang Kaya Ali  
Wanika Setia Diraja, Kupang  
Kementerian Pendidikan.  
Daerah Tutong.  
Kod Blok : PH/ST12  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

24. DA / JKSH / 118 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]

Sebut Harga Membekal Dan  
Menghantar Minuman Kotak  
Tenusu Bagi Program Harapan :  
Sekolah Rendah Labu Estate  
Kementerian Pendidikan.  
Daerah Temburong.  
Kod Blok : PH/ST13  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran Sebut Harga :**  
BND5.00

**Tarikh Tutup / Waktu :**  
Sabtu,  
12 Oktober 2024  
(Jam 9.00 Pagi)





KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:  
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 05 / 2024 - 2025 (R)

Tajuk Sebut Harga :  
“To Supply, Design, Fabricate, And Install Heavy-Duty Display Cabinets At Bilik Jaringan, 5th Floor Of The Ministry Of Primary Resources And Tourism.”

Tarikh Tutup Sebut Harga:  
24 Oktober 2024, Khamis Jam 2.00 Petang



JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:  
IKAN / 78(Q) / 0029 / 2024

Tajuk Sebut Harga:  
To Supply, Delivery, Installation, Testing, Commissioning And Onsite User Training For Pockit Hand-Held Micro Plus Nucleic Acid Analyzer For The Detection Of Shrimp Diseases Complete With Accessories, Testing And Extraction Kit For Aquatic Animal Health Laboratory Services Center, Department of Fisheries


Bilangan Sebut Harga:  
IKAN / 78(Q) / 0030 / 2024

Tajuk Sebut Harga:  
To Supply, Delivery, Installation, Testing, Commissioning Of Bio Spectrophotometer For The Measurement Of Nucleic Acid Concentration And Purity For PCR Testing, Aquatic Animal Health And Laboratory Services Center, Department Of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:  
IKAN / 78(Q) / 0031 / 2024

Tajuk Sebut Harga:  
Technical Service, Preventive Maintenance And Calibration Of Two Units Carl Zeiss Digital Microscope In Accordance To Manufacturing Specification

Tarikh Tutup :  
Khamis,  
17 Oktober 2024  
Jam 2.00 Petang



# KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



كمترین كصيحتن  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI  
DARI 40% SODIUM**



1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

## JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus  
Mee Segera

1000 mg



Sebijii  
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan  
Kicap

376 mg



3 sudu makan  
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil  
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil  
Keropok Udang  
Tempatan

120 mg



1 cawan  
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam  
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping  
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan  
Amping

1.7 mg



Segenggam  
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebijii ukuran sederhana  
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

**Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok**



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

# IMBASAN MINGGUAN



**MAJLIS Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Khas secara serentak di masjid-masjid utama di setiap daerah bersempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-31.**

- Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

**SEBAHAGIAN** yang menyertai Majlis Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Khas bersempena Sambutan HPA Kali Ke-31 bagi Daerah Belait. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

**PARA** peserta yang menyertai Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024 bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (KSNHB). - Foto : Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar.



**BERAKHIRNYA** Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024 yang bermula secara rasminya pada 25 September 2024 dengan Majlis Penutupan Rasmi yang berlangsung di Stadium Tertutup, KSNHB. - Foto : Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar.

**SEMANGAT ...** Para pelajar dari Sekolah-sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) semasa menyertai Sukan Ria bagi Tahun 2024 berlangsung di Padang 'B', Kompleks Sukan Berakas. - Foto : Haji Abdul Azim @ Haji Mu'az Haji Tujoah.

# PROGRAM REST TUTUP TIRAI

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**TUNGKU LINK**, Sabtu, 5 Oktober.

- Program ReST (Resistance, Strength and balance Training) yang dianjurkan selama 12 minggu oleh Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB), Universiti Brunei Darussalam (UBD) berakhiri dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil kepada para peserta yang berlangsung di institut berkenaan, hari ini.

Majlis Penutup yang diadakan

bersempena memperingati Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas itu meraikan kira-kira 100 peserta yang mewakili Pertubuhan WARGAMAS Brunei, Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Brunei dan Muara serta PKWE Daerah Tutong.

Penyampaian sijil-sijil disempurnakan oleh Dekan Institut Sains Kesihatan PAPRSB, UBD Profesor Dr. Kenneth Kok Yuh Yen dan Dr. Chia Wei Tan selaku wakil Ketua Geriatric, Kementerian Kesihatan serta Pengarah Pusat Penyelidikan Lanjutan (CARe), Dr. Siti Mazidah binti Haji Mohamad.

Terdahulu dalam ucapannya, Profesor Dr. Kenneth Kok berkata, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), jatuh adalah penyebab kedua tertinggi kematian akibat kecederaan tidak sengaja di seluruh dunia.

"Mereka yang berumur lebih 60 tahun menghadapi risiko tertinggi. Dari itu strategi pencegahan yang berkesan dan selamat adalah sangat diperlukan untuk mengurangkan risiko."

"Di Negara Brunei Darussalam, kecederaan tidak sengaja, terutama jatuh adalah antara 10

penyebab utama kematian bagi warga emas. Data awal daripada Kajian ReST menunjukkan warga emas menghampiri batasan Sarcopenia, yang meningkatkan risiko jatuh bagi warga emas," ujarnya.

Justeru, beliau berharap program senaman yang dilaksanakan adalah bersesuaian dan bertepatan dengan keupayaan warga emas untuk sama-sama mengamalkan gaya hidup yang sihat.

Program yang berlangsung selama 12 minggu ini dibahagikan kepada tiga fasa latihan komprehensif, bermula daripada pergerakan senaman asas seperti Good Mornings yang setara dengan 'Rukuk', hingga pergerakan yang lebih kompleks.

Pergerakan ini meningkatkan kekuatan dan koordinasi dalam kalangan warga emas. Dengan menghubungkan latihan fizikal kepada amalan dalam sembahyang, ReST memupuk persekitaran komuniti, mengurangkan pengasingan dan menggalakkan interaksi sosial.

Selain itu, pemimpin dari setiap komuniti juga telah dikenal pasti sebagai duta program untuk memastikan kelestarian program dalam komuniti mereka dan pada



DEKAN Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam, Profesor Dr. Kenneth Kok Yuh Yen menyampaikan sijil kepada penerima (atas), manakala gambar kiri, antara yang berucap pada majlis berkenaan.

masa depan akan memimpin peer led sessions yang dilatih dan dibimbing oleh pasukan penyelidik.

Para peserta telah melaporkan peningkatan ketara dalam keupayaan fizikal untuk melaksanakan sembahyang dan aktiviti harian, sakit kronik dan kesihatan keseluruhan, dengan ramai yang menyatakan keinginan

untuk program ini diteruskan.

Program ReST bertujuan untuk menggalakkan penglibatan masyarakat dan pembangunan manual senaman yang mudah diikuti. Penilaian kekuatan otot masa depan akan menyesuaikan lagi program ini untuk memenuhi keperluan unik warga emas, mempromosikan penuaan yang berjaya.

## 30 syarikat dibenarkan kendali perkhidmatan Pakej Umrah

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 5 Oktober. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji suakacut memaklumkan bahawa sebuah syarikat pelancongan telah diberi kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi Tahun 2024. Masihi, iaitu Az-Zain Travel & Tours Sdn. Bhd.

Dengan kebenaran yang diberikan berkenaan, maka pada masa ini sebanyak 30 buah syarikat pelancongan telah diberikan kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi Tahun 2024M, iaitu Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB), Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. (SCA), Raudah Al-Amin Sdn. Bhd. (RAA), Continental Yachting Sdn. Bhd., At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd., Titian Travel & Tours Sdn. Bhd., Dar El-Ehsan Travel & Tours Sdn. Bhd., Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd., Al-Abraj Travel & Tours Sdn. Bhd.

Sehubungan itu, orang ramai yang berhasrat untuk menuaikan ibadat umrah bolehlah mengikuti dan berhubung terus dengan syarikat-syarikat yang dibenarkan berkenaan.

Sehubungan itu, orang ramai yang berhasrat untuk menuaikan ibadat umrah bolehlah mengikuti dan berhubung terus dengan syarikat-syarikat yang dibenarkan berkenaan.

**Selamatkan Usus Awda.**

*Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.*

کمترین کمیتی  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppk.gov.bn](http://www.ppk.gov.bn)

\*Sasaran pemeriksaan:  
Lebak atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

## NASIONAL

penyebab utama kematian bagi warga emas. Data awal daripada Kajian ReST menunjukkan warga emas menghampiri batasan Sarcopenia, yang meningkatkan risiko jatuh bagi warga emas," ujarnya.

Justeru, beliau berharap program senaman yang dilaksanakan adalah bersesuaian dan bertepatan dengan keupayaan warga emas untuk sama-sama mengamalkan gaya hidup yang sihat.

Program yang berlangsung selama 12 minggu ini dibahagikan kepada tiga fasa latihan komprehensif, bermula daripada pergerakan senaman asas seperti Good Mornings yang setara dengan 'Rukuk', hingga pergerakan yang lebih kompleks.

Pergerakan ini meningkatkan kekuatan dan koordinasi dalam kalangan warga emas. Dengan menghubungkan latihan fizikal kepada amalan dalam sembahyang, ReST memupuk persekitaran komuniti, mengurangkan pengasingan dan menggalakkan interaksi sosial.

Selain itu, pemimpin dari setiap komuniti juga telah dikenal pasti sebagai duta program untuk memastikan kelestarian program dalam komuniti mereka dan pada

## Pelbagai Pakej Pelancongan domestik ditawarkan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan



JABATAN Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama Persatuan Hotel Brunei (Brunei Association of Hotels-BAH) terus mempromosi Kempen Kenali Negara Kitani (KNK) dengan menyertai Sabre Brunei Travel Fair 2024.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 5 Oktober. - Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama Persatuan Hotel Brunei (Brunei Association of Hotels - BAH) terus mempromosi Kempen Kenali Negara Kitani (KNK) dengan menyertai Sabre Brunei Travel Fair 2024, yang berlangsung mulai hari ini sehingga Ahad, 6 Oktober 2024 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Penyertaan dalam Sabre Travel Fair 2024 berkenaan adalah sebahagian daripada inisiatif berterusan jabatan tersebut untuk mempromosi pelancongan

domestik sebagai persediaan untuk cuti sekolah yang akan menjelang pada Disember nanti.

Para pengunjung berpeluang mendapatkan buku panduan staycation yang mengandungi lebih daripada 70 Pakej KNK yang ditawarkan oleh pihak hotel, agensi pelancongan dan penyedia perkhidmatan pelancongan.

Hotel-hotel yang mengambil bahagian di Sabre Travel Fair 2024 termasuk The Rizqun International Hotel dan Mulia Hotel, dengan kedua-duanya mempromosikan tawaran terkini mereka.

Tawaran berkenaan termasuk Promosi Bilik Eksklusif untuk 30

pelanggan pertama, serta promosi cuti sekolah yang menampilkan pengalaman Explore Temburong + Canopy Walk dan banyak lagi.

Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan sukacitanya menjemput orang ramai untuk meneroka Pakej Pelancongan domestik di teruai 26 semasa Sabre Travel Fair 2024.

Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti dan tawaran pelancongan, layari laman sesawang rasmi Pelancongan Brunei di [www.bruneitourism.com](http://www.bruneitourism.com) atau [@info.bruneitourism](mailto:@info.bruneitourism) di Instagram.

# STJ PGGMB MADANG ANJUR KINDERGARTEN'S SHOWCASE 2024



SEKOLAH Tunas Jaya Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei Madang (STJ PGGMB Madang) mengadakan Kindergarten's Showcase 2024 (atas, kanan dan bawah kanan).



## Bersama-sama serta Kempen Derma Darah

**Siaran Akbar : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 5 Oktober. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah pada Isnin, 7 Oktober 2024, bermula jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 1.30 petang hingga 3.30 petang bertempat di Dewan Auditorium Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Begitu juga pada Selasa, 8 Oktober 2024, bermula jam 10.00 pagi hingga 2.00 petang bertempat di Reanult Showroom Telainai anjuran Maju Motors Sdn. Bhd.; dan Rabu, 9 Oktober 2024, bermula jam 10.00 pagi hingga 2.00 petang bertempat di Dewan Seri Kenangan, Daerah Tutong sempena Jerayawara Badudun Bersama Biskita anjuran Radio Televisyen Brunei (RTB).

Manakala pada Sabtu, 12 Oktober 2024, bermula jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 1.00 petang hingga 3.00 petang bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada waktu bekerja, bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 4.00 petang.

Sementara itu, Tabung Darah Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait juga akan mengadakan Kempen Derma Darah pada Jumaat, 11 Oktober 2024, bermula jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 3.00 petang, bertempat di Tingkat Bawah, KB Sentral Shopping Centre anjuran Jolibee Brunei.

Oleh itu, orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen berkenaan dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

## Bantu kesan remaja perempuan keluar dari rumah

**Siaran Akbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 5 Oktober. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang anak perempuan dipercayai keluar dari rumah iaitu Nurul Amal Syazatul Hafizah Tulliah binti Mohd. Isa, 14 tahun, warga tempatan.

Sehubungan itu, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat bolehlah menghubungi ke Balai Polis Bandar Seri Begawan menerusi talian +673 2242334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.

NURUL Amal Syazatul Hafizah Tulliah binti Mohd. Isa, 14 tahun, warga tempatan dipercayai keluar dari rumah.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 5 Oktober. - Sekolah Tunas Jaya Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei Madang (STJ PGGMB Madang) mengadakan Kindergarten's Showcase 2024 khusus bagi murid-murid Kindergarten 1 hingga Kindergarten 3 dan ia merupakan program tahunan STJ PGGMB Madang.

Atur cara majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Guru Besar Sekolah, Awang Ismail bin Haji Tia, disusuli dengan persembahan dari kelas dan Spelling Bee.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Agung PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri; guru-guru, ibu bapa dan penjaga murid dan murid-sekolah.

Awang Ismail dalam ucapan alu-aluan mengongsikan bahawa program berkenaan merupakan aktiviti tahunan sekolah berkenaan dan sepanjang aktiviti tersebut dilaksanakan, ia dapat memberi impak yang sangat positif

**Siaran Akbar dan Foto : Sekolah Tunas Jaya Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei**

kepada murid-murid dalam pembelajaran, pembentukan sahsiah positif dan perkembangan emosi mereka yang lebih holistik.

Beliau juga turut merakamkan ucapan terima kasih kepada ibu bapa dan penjaga atas sokongan dan komitmen mereka kepada pihak sekolah bagi sama-sama menyokong visi sekolah berkenaan.

Sementara itu, guru kanan sekolah berkenaan, iaitu Dayang Faridah binti Haji Abdullah, bersama beberapa orang ibu bapa dan penjaga murid-murid menyatakan bahawa aktiviti seumpamanya adalah sangatlah baik bagi anak-anak mereka kerana ia dapat memberi dan membina keyakinan serta motivasi kepada mereka.



## MINDA PEMBACA

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Teladani Sunnah Rasulullah Dalam Kehidupan Seharian'. Tarikh Tutup : 9 Oktober 2024
- 'Menjaga Keamanan Serantau'. Tarikh Tutup : 16 Oktober 2024
- 'Melindungi Kesejahteraan, Kebajikan Warga Emas'. Tarikh Tutup : 23 Oktober 2024

### TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarap jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU



## Syair : Khazanah seni yang perlu dipertahankan

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ihsan Dayang Halimatus Rabeatul Saiedah Huzaimi

**S**YAIR merupakan puisi lama atau tradisi lisan yang mempunyai peranan sama ada untuk bercerita mengenai riwayat kehidupan seseorang atau sejarah sebuah negeri, nasihat, peringatan atau penyuntik semangat kepada masyarakat.

Penambangan syair contohnya, bukan hanya dilihat hiburan halwa telinga semata-mata tetapi untuk mengajak para pembaca dan pendengarnya untuk bersama-sama berfikir mengenai mesej tersurat dan tersirat yang cuba disampaikan oleh sesebuah syair tersebut dengan menganalisis dan mengaitkan dari segala aspek kehidupan sama ada aspek pendidikan, agama, sosial, ekonomi dan pentadbiran.

### Latar belakang

Ruagan Belia Berwawasan kali ini menampilkan seorang penambang syair, Dayang Halimatus Rabeatul Saiedah binti Huzaimi, 23 tahun, yang berasal dari Kampung Rimba. Mendapat pendidikan rendah di Sekolah Rendah Anggerek Desa bermula tahun 2007 hingga 2013 dan meneruskan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Berakas (SMB) bermula tahun 2014 hingga 2019.

Dayang Halimatus Rabeatul Saiedah seterusnya meneruskan pendidikan di IBTE School of Hospitality and Tourism dalam jurusan Diploma Level 4 Hospitality Operations pada tahun 2020 hingga 2022, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) mengambil jurusan Diploma Pengajian Seni Al-Quran

pada tahun 2022 hingga 2023 dan pada masa ini mahasiswa Tahun Kedua KUPU SB mengambil Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Pendidikan Islam).

### Minat menambah syair

Menurut Dayang Halimatus Rabeatul Saiedah, beliau mula menuntut ilmu seni menambah syair sejak berumur 13 tahun, semasa berada dalam Tahun 7 di SMB. Dari sana beliau sentiasa belajar irama syair terutama irama Tambang Begawan yang diajarkan oleh gurunya.

Beliau mula menceburkan diri dalam bidang syair semasa mewakili SMB dari peringkat saringan, separuh akhir dan akhir secara solo dan tahun berikutnya mencuba lagi melibatkan diri tetapi secara berkumpulan. Selain itu, beliau juga mengikuti Pertandingan - pertandingan Sayembara Menambah Syair sempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta, yang mana bertanding bersama para penggiat syair tanah air lainnya.

### Pendorong, penyair yang diminati

Di antara yang menjadi pendorong dalam menambah syair tambahnya ialah ibunya iaitu Dayang Abidah binti Mohd. Ibrahim dan Allahyarham ayahnya iaitu Allahyarham Awang Huzaimi bin Haji Tompel. Selain itu juga, guru-guru turut menjadi pendorong Dayang Halimatus Rabeatul Saiedah antaranya Guru Syair,

Dayang Hajah Norlelawati; Guru Kelas, Dayang Rina binti Hosaini; dan guru-guru subjek, Dayang Marliyana dan Izyan Dzulkifli. Menurutnya, mereka menjadi pendorong agar beliau terus menjadi seorang penambah syair.

Menyentuh mengenai penulis syair yang diminati, jelasnya ialah Pehin Dato Haji Abdul Ghani atau lebih mesra disebut dengan nama penannya Ibnu Abdir Rahim. Ini kerana hasil-hasil nukilan beliau adalah sangat indah, setiap bait-bait syair yang dituliskan penuh makna dan bait-bait syair yang ditulis adalah lebih senang sebagai seorang penambah syair menghayatinya.

### Pencapaian

Di antara pencapaian Dayang Halimatus Rabeatul Saiedah dalam menambah syair ialah :

- Johan Kategori Perempuan Menambah Syair Sejarah Brunei anjuran Pusat Sejarah Brunei dan Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB) (tahun 2023).
- Mendapat tempat keempat dan dianugerahkan Biduan Syair 2022 dalam Pertandingan Menambah Syair Nusantara di Malaysia (tahun 2022).
- Mewakili Negara Brunei Darussalam ke Nanjing China untuk mempersembahkan syair dan sekali gus menyanyikan lagu-lagu tradisi Brunei (tahun 2017).
- Dijemput untuk membuat persembahan di salah satu muzim di Jakarta dan Depok, Indonesia (tahun 2021).
- Mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan Sayembara Menambah Syair sempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta anjuran Radio Televisyen Brunei (Tahun 2017).

- Johan Pertandingan Syair anjuran oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum secara solo dan juga berkumpulan di antara tahun 2014 hingga 2017.
- Mendapat tempat keempat Pertandingan Syair Nusantara di Kuala Lumpur dan dianugerahkan Biduan Syair 2024.
- Dijemput untuk membaca syair sempena Perasmian Galeri PenBORNEO 2023.

- Membuat persembahan di jabatan-jabatan kerajaan dan persatuan-persatuan di dalam dan luar negara dan baru-baru ini membuat Persembahan Menambah Syair sebagai persembahan utama pada Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-31.

### Kriteria seorang penambah syair

Menurut Dayang Halimatus Rabeatul Saiedah, seseorang yang ingin menjadi seorang penambah syair hendaklah memiliki suara yang lantang, fasih dan petah dalam berbahasa Melayu, memiliki jiwa sebagai penambah syair. Sebagai seorang penambah syair katanya, hendaklah sentiasa memperbaiki irama-rama yang dibawakan pada setiap persembahan, tidak pernah bersa jemu untuk mempelajari irama-rama syair kerana terdapat lebih dari lima buah irama syair Brunei dan hendaklah berguru pada guru yang tepat.

**Syair masih lagi relevan**  
"Bagi pendapat saya pada masa

ini syair itu masih relevan kerana syair adalah seni khazanah yang patut kita pertahankan, kerana kalau bukan kami sebagai seorang belia maka siapa lagi yang patut mempertahankannya? Dengan era digital dan teknologi Artificial Intelligence (AI) maka berkemungkinan besar seni syair juga akan pupus dan generasi-generasi akan datang tidak akan mengetahui bawa seni menambah syair ini merupakan khazanah warisan yang juga patut dipertahankan," ujarnya lagi.

Salah satu cara agar syair tetap dikekalkan katanya, ialah dengan mengadakan bengkel-bengkel menambah syair kepada guru dan orang awam dan juga mengadakan banyak lagi pertandingan - pertandingan menambah syair dari semua peringkat umur.

### Saranan

"Saranan dan nasihat saya bagi yang berminat dalam bidang seni syair ini ialah teruskan perjuangan untuk mencari ilmu seni syair dan beguru pada guru yang tepat. Bagi yang sudah ada ilmu seni syair maka kembangkanlah lagi ilmu-ilmu syair yang diperoleh dan ajarkan lagi kepada generasi-generasi seterusnya.

"Bagi yang berminat dalam penulisan syair dan menambah syair, serahkanlah bakat-bakat biskita, jangan takut untuk mencuba dan apabila kita sudah berada di menara gading sebagai seorang penambah syair, maka kita hendaklah sentiasa bersifat rendah hati dan tidak sombang kerana semua bakat-bakat yang ada ini adalah kurnia daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang kita gunakan ke arah yang baik dan bermanfaat," jelasnya lagi.

# KEPUTUSAN ECJ : EU, NEGARA ANGGOTA MENGESEHKAN SEMULA PERKONGSIAN STRATEGIK DENGAN MAGHRIBI

**BRUSSELS**, 6 Oktober. - Kesatuan Eropah (EU) dan beberapa negara anggotanya telah mengesahkan semula komitmen mereka untuk memperkuuh perkongsian strategik dengan Maghribi, susulan keputusan Mahkamah Keadilan Eropah (ECJ) baru-baru ini mengenai perjanjian perikanan dan pertanian antara kedua-dua pihak.

Dalam kenyataan bersama, Presiden Suruhanjaya Eropah Ursula von der Leyen dan Wakil

Tinggi EU Josep Borrell menekankan hasrat EU untuk memelihara dan memperdalam perkongsian lama dengan Maghribi, menyifatkan hubungan itu sebagai "bernilai tinggi."

Mereka menekankan hubungan kukuh dan kerjasama pelbagai aspek yang telah dibangunkan selama ini, yang mereka sasarkan untuk terus dipertingkatkan lagi dalam beberapa bulan akan datang, lapor Agence Marocaine

de Presse (MAP) Maghribi.

Beberapa negara EU, termasuk Sepanyol, Perancis, Hungary, Belgium, Itali, Belanda dan Finland menyuarakan sokongan mereka untuk mengekalkan dan memperluas perkongsian dengan Maghribi.

Menteri Luar Sepanyol Jose Manuel Albares mengulangi penghormatan Sepanyol terhadap keputusan ECJ, sambil menyatakan manfaat yang

diperoleh melalui perkongsian itu untuk sektor perikanan dan pertanian.

Perancis dan Hungary turut menegaskan komitmen mereka untuk memperdalam pertukaran ekonomi dan menyokong usaha pembangunan Maghribi di Sahara.

Itali melalui Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar Antonio Tajani mengesahkan hasratnya



untuk mengukuhkan kerjasama dengan Maghribi, khususnya dalam memerangi pendaratan haram.

Belgium, Belanda dan Finland juga menekankan komitmen berterusan mereka terhadap perkongsian EU-Maghribi.

- ©BERNAMA

## FAO : Lonjakan harga makanan global dipacu cuaca dan permintaan tinggi

**ROM**, 5 Okt. - Harga makanan global mencatatkan lonjakan terbesar sejak 2022 pada September, dipengaruhi oleh cuaca melampau yang memberi tekanan kepada komoditi makanan utama, lapor Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Jumaat.

Menurut FAO, Indeks Harga Makanan meningkat sebanyak tiga peratus berbanding Ogos, merupakan kenaikan bulanan terbesar sejak Mac 2022 apabila harga makanan melonjak akibat gangguan bekalan dan tenaga semasa bermulanya konflik Rusia-Ukraine.

Kenaikan harga kali ini

disebabkan kebimbangan tentang cuaca melampau, terutama hujan lebat di Kanada dan Kesatuan Eropah yang menyebabkan harga gandum meningkat.

Paras air rendah di Brazil dan Amerika Syarikat juga menjelaskan pengeluaran jagung.

Harga bijirin secara keseluruhan meningkat sebanyak tiga peratus.

Sementara itu, harga gula meningkat 10.4 peratus akibat cuaca kering dan kebakaran hutan di Brazil.

Keputusan India untuk menambah penggunaan tebu bagi pengeluaran etanol turut mempengaruhi kenaikan harga.

Harga daging naik sebanyak 0.4 peratus disebabkan permintaan

lebih tinggi untuk ayam dari Brazil dan penurunan permintaan daging biri-biri dari China.

Harga tenusu naik 3.8 peratus, disokong oleh permintaan kukuh dari Asia yang mengimbangi pengeluaran tinggi di Oceania.

Harga minyak sayuran turut meningkat 4.6 peratus, mencapai paras tertinggi dalam 18 bulan, akibat pengeluaran yang berkurangan di Asia dan Amerika Syarikat.

Secara keseluruhan, Indeks Harga Makanan FAO naik 2.1 peratus berbanding tahun lepas, tetapi masih 22.4 peratus lebih rendah berbanding paras tertinggi pada Mac 2022.

- ©BERNAMA

## Alat getaran kasut oleh syarikat pemula Jepun bantu navigasi golongan cacat penglihatan

**TOKYO**, 5 Okt. - Sebuah syarikat pemula Jepun yang disokong oleh Honda Motor Co. melancarkan alat getaran yang dipasang pada kasut untuk membantu golongan cacat penglihatan dalam menentukan arah persekitaran.

Alat yang dibangunkan oleh Ashirase ini dipadankan dengan aplikasi telefon pintar, dipasang pada kaki dan memberikan arahan melalui getaran, lapor Agensi Berita Kyodo. Ia juga dilengkapi sensor gerakan untuk mengesan kedudukan pengguna dan memberikan isyarat pada masa yang sesuai.

Aplikasi itu turut menyediakan navigasi audio, memilih laluan yang paling mudah diakses untuk golongan cacat penglihatan, membolehkan destinasi ditetapkan dengan pelbagai pilihan carian seperti "tandas terdekat" dan mengeluarkan amaran audio bagi bahaya seperti lintasan kereta api dan persimpangan jalan.

Syarikat itu memaklumkan bahawa penggunaan getaran memastikan pengguna tidak terlepas arahan navigasi walaupun di tempat yang bising. Model terbaru alat Ashirase seberat 60 gram itu adalah lebih ringan dan

lebih kecil berbanding versi terdahulu yang diperkenalkan tahun lepas, menurut syarikat itu.

Alat itu berharga 54,000 yen (US\$370), dengan yuran bulanan asas sebanyak 550 yen. Selain daripada laman sesawang rasmi syarikat itu, pihaknya juga akan menjual alat itu melalui peruncit peralatan rumah, dengan sasaran jualan tahunan sebanyak 2,200 unit. Syarikat turut merancang untuk menawarkan alat berkenaan untuk pasaran luar negara termasuk Britain pada tahun depan.

- ©BERNAMA

## Hujan lebat, tanah runtuhan ragut 17 nyawa di Bosnia Herzegovina

**BELGRADE (Serbia)**, 5 Okt. - Sekurang-kurangnya 17 orang maut akibat hujan lebat, tanah runtuhan dan banjir yang berterusan di Bosnia Herzegovina, menurut pegawai pada Jumaat.

Pentadbiran Perlindungan Awam menggesa orang ramai supaya mengelak daripada melakukan perjalanan ke jalan-jalan menuju Perbandaran Konjic dan Jablanica serta mematuhi arahan pasukan penyelamat bagi mengelakkan

lebih banyak kemalangan jiwa, lapor Agensi Anadolu.

Ramai penduduk terpaksa dipindahkan kerana air sungai melimpah dan mencetuskan kejadian tanah runtuhan, sekali gus mengganggu kehidupan di Jablanica dan Konjic.

Sementara itu, laluan utama di rantau ini disekat hingga menyukarkan usaha menyelamat. Sebuah masjid di Jablanica juga dilaporkan tenggelam sepenuhnya.

Selain itu, Kereta api Bosnia

Herzegovina mengumumkan terdapat kerosakan serius pada

kemudahan landasan sepanjang 17 kilometer yang menghubungkan ibu negara Sarajevo, manakala perkhidmatan pengangkutan awam dilaporkan tidak beroperasi buat sementara waktu.

Selain utara Herzegovina dan sebahagian Bosnia tengah, perbandaran Kresevo, Kiseljak, dan Fojnica turut terjejas akibat banjir, menurut laporan itu.

- ©BERNAMA

## 96 rakyat Korea Selatan tinggalkan Lubnan susulan ketegangan semakin meningkat

**SEOUL**, 5 Okt. - Sebuah pesawat tentera milik Korea Selatan membawa pulang 96 rakyatnya dari Lubnan dalam operasi pemindahan pertama susulan ketegangan yang semakin memuncak di rantau itu, menurut Kementerian Luar pada Sabtu.

Pesawat pengangkut tentera KC-330 berlepas dari Beirut pada petang Jumaat (waktu tempatan) dan dijangka mendarat di Pangkalan Udara Seoul di Seongnam, hari yang sama, lapor agensi berita Yonhap memetik kenyataan kementerian.

Seorang warganegara Lubnan yang juga ahli keluarga kepada seorang rakyat Korea Selatan, turut berada dalam pesawat itu. Pelan pemindahan dilaksanakan berikutkan konflik antara Israel dan Hizbullah yang terus meningkat, menyebabkan kesukaran bagi warga asing di Timur Tengah untuk meninggalkan negara itu melalui penerbangan komersial.

"Kerajaan kami akan terus memantau keadaan di Lubnan dan Timur Tengah bagi memastikan keselamatan rakyat kami. Kami akan mengambil semua langkah yang diperlukan untuk melindungi mereka," kata Kementerian itu dalam kenyataan akhbar.

Pada Rabu, Presiden Yoon Suk Yeol mengarahkan penghantaran segera pesawat pengangkut tentera untuk membawa pulang rakyat Korea Selatan. Sehingga Rabu, kira-kira 130 rakyat Korea Selatan berada di Lubnan, tidak termasuk diplomat dan keluarga mereka.

Israel melancarkan siri serangan udara pada Jumaat di kawasan pinggir bandar Beirut dan memutuskan laluan sempadan utama antara Lubnan dan Syria, menjelaskan puluhan ribu orang yang mlarikan diri dari pengeboman Israel. - ©BERNAMA

# PEMENANG KEJOHANAN GOLF TERBUKA AMATUR DIRAIKAN

Berita dan Foto : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman



**PEMANGKU** Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada para penerima (atas dan atas kanan). Sementara gambar bawah kanan, ucapan Pengerusi Bersama Kejohanan, Awang Haji Abdul Saman bin Haji Ahmad.

**MENTIRI**, Ahad, 6 Oktober. - Kira-kira 200 pemain golf tempatan dan juga luar negara bersaing mempamerkan kehebatan masing-masing pada Kejohanan Golf Terbuka Amatur sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78, berlangsung selama tiga hari bermula 4 Oktober 2024 lalu di Kelab Pantai Mentiri, di sini.

Kejohanan berakhir hari ini dengan Majlis Penyampaian Hadiah kepada para pemenang. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Juara Keseluruhan Gross (Overall Gross) diraih oleh Awang Zahrin bin Zainidi manakala juara Keseluruhan Nett (Overall Nett) dimenangi oleh Awang Johari bin Haji Ahmad. Bagi Kategori Gross Keseluruhan Wanita pula, juara disandang oleh Dayang Almas Syazwani binti Kamis.

Sementara itu, juara bagi Kategori Terbuka Divisyen 'A' diraih oleh Nujaimi bin Haji Jumat, Kategori Terbuka Divisyen 'B' dimenangi oleh Pengiran Haji Ahmad Zaki bin Pengiran Haji Jambol dan Awang Fauzi bin Haji Timbang pula menjuarai bagi Kategori Terbuka Divisyen 'C'.

Menangi Kategori Senior bagi umur 55-69 ialah Awang Haji Razak bin Haji Hassan, sementara Dato Haji Sheikh Adnan bin Sheikh Mohammad muncul juara bagi Kategori Senior 70 tahun ke atas. Agnes De Le Cruz pula diumumkan sebagai juara bagi Kategori Keseluruhan Nett Wanita pada perlwanan tersebut.

Terdahulu dalam ucapan Pengerusi Bersama Kejohanan, Awang Haji Abdul Saman bin Haji Ahmad menjelaskan kejohanan tersebut diungkayahkan adalah sebagai acara perayaan tahunan yang diselenggarakan bersama oleh Jawatankuasa Takbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun bagi Tahun 2024," ujarnya.



Beliau turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kejohanan berkemaan termasuk para pemain golf tempatan dan luar negara, para penaja, pihak pengurusan serta ahli-ahli jawatankuasa kerja bagi tahun ini.

"Sesungguhnya kerjasama yang erat yang telah dihulurkan oleh semua pihak yang terlibat adalah jua melambangkan rasa kasih sayang dalam sama-sama memeriahkan lagi Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun bagi Tahun 2024," ujarnya.



## Tingkatkan pengetahuan mengenai teori boling

Berita dan Foto : Ihsan GoStrike Bowling Company

**SERIA**, Ahad, 6 Oktober. - Kira-kira 20 pemain boling wanita telah menyertai Klinik Boling GoStrike yang diadakan selama dua hari bermula 4 hingga 5 Oktober di Pusat Boling GoStrike, Seria, di sini.

Klinik Boling merupakan salah satu aktiviti yang dirancang di bawah Kempen Bulan Boling

GoStrike sepanjang bulan Oktober yang bersempena dengan Ulang Tahun Pertama GoStrike.

Klinik Boling ini telah disampaikan oleh seorang atlet boling profesional dari Indonesia iaitu Putty Insavilla Armein. Beliau mempunyai pencapaian cemerlang sepanjang kerjayanya seperti

memenangi emas dalam Kejohanan Boling Tenpin Asia 2006, Emas pada 2017 dalam Seni Bela Diri dan Dalaman Sukan Asia, Gangsa dalam Sukan SEA 2022 di Viet Nam dan lain-lain.

Di bawah bimbingan Putty Insavilla Armein, para peserta diberi peluang unik untuk mempelajari pelbagai kemahiran dan pengetahuan daripada teori, kemahiran dan petua boling manakala pada separuh kedua sesi mereka diberikan pelajaran lorong (*lane*) untuk arahan boling yang lebih fizikal.

Klinik Boling ini bertujuan untuk membangunkan kemahiran dan pengetahuan pemain boling di



**ANTARA** yang menyertai Klinik Boling GoStrike yang diadakan selama dua hari bermula 4 hingga 5 Oktober di Pusat Boling GoStrike, Seria (atas dan bawah).

dalam dan luar lorong supaya mereka dapat mencapai matlamat pembangunan boling mereka sambil melahirkan atlet boling wanita yang berkebolehan di Negara Brunei Darussalam.

**JANGAN MENGIKUTI KENDERAAN DI HADAPAN AWDA TERLALU RAPAT**

Jalan raya akan menjadi licin semasa hujan. Jika awda mendapat kenderaan di hadapan awda menekan brek secara tiba-tiba, awda mungkin tidak akan mempunyai masa untuk berhenti

جامعة بريوني برunei داروين  
BDMD  
Brunei Darussalam Meteorological Department  
[www.met.gov.bn](http://www.met.gov.bn)

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114



# BEFL 2024/25 BUKA TIRAI

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi bin Awang Abdul Hamid



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir dan seterusnya merasmikan majlis pembukaan berkenaan.

**BERAKAS**, Sabtu, 5 Oktober. - Pasukan Kasuka Ar Rawda FC memulakan aksi saingan Brunei Elite Futsal League (BEFL) 2024/25 dengan langkah kanan selepas menewaskan Pasukan Kampung Buangkok FC dengan keputusan 7 - 2 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Kemenangan penyuntik semangat buat skuad Kasuka Ar Rawda FC adalah hasil jaringan daripada Reza Tolouei dan Mohammad Reza Rahmania yang masing-masing menjaringkan dua gol pada perlawanan berkenaan, manakala Abu Suffian bin Haji Adanan, Abdul Azim bin Boll Hassan dan Habibi bin Sulan masing-masing menjaringkan sebiji gol.

Gol dari Kampung Buangkok FC

pula dijaringkan oleh Bambang Bayu Saptaji dan Razaki bin Abdul.

Sementara pertemuan pasukan Almerez HiTUNE FC dan Shah United FC menyaksikan Almerez HiTUNE FC dengan selesa menewaskan Shah United FC dengan jaringan 8 - 4.

Jaringan bagi Almerez HiTUNE FC masing-masing disumbangkan oleh Syazwan Hassan, Awangku Md. Amirul Haziq, Abolfazl Minouei Hussein dan Haji Muhammad Zainol dengan sebiji gol.

Manakala Awangku Md. Wazien dan Muhammad Iqbal Pasaribu pula masing-masing menjaringkan dua gol pada perlawanan berkenaan.

Gol bagi skuad Shah United FC pula dijaringkan oleh Khalil Saab dan Abdul Hadi Azhar dengan masing-masing menjaringkan satu

jaringan, manakala Ridwan Awaebaesa menjaringkan dua gol.

Terdahulu, Majlis Pembukaan Perlawanan Kejohanan BEFL dilangsungkan dengan penuh warna-warni dan meriah bagi menyuntik semangat lapan pasukan terbaik untuk menyahut cabaran persaingan Edisi 2024-2025 yang pasti mendebarkan.

Hadir dan seterusnya merasmikan majlis pembukaan berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Pada majlis berkenaan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan telah diperkenalkan kepada lapan pasukan yang akan menyertai Division 1, BEFL.

Division 1, BEFL 2024 / 25 akan menyaksikan kelibat pasukan-pasukan seperti Kasuka Ar Rawda, MS ABDB, Almerez HiTUNE FC, Kota Ranger FC, Shah United FC, Arbisyam FC, DDT FT dan Kampung Buangkok FC dari Republik Singapura.

Majlis pelancaran perasmian itu dimeriahkan lagi dengan Persembahan Nyanyian. Juga hadir, Presiden Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Awang Feisal Haji Eusoff; Timbalan Presiden FABD, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni; Pengarah Urusan HiTUNE Group of Companies, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang; dan Ketua Pegawai Eksekutif Yakin Football League, Dayang Hernah Nur Imani binti Muhd. Jeffrey.

Kejohanan BEFL 2024/25 merupakan anjuran Yakin Football League yang ditaja oleh HiTUNE Group of Companies dan disokong oleh FABD.

## Memperkenalkan sukan sumpit dalam kalangan generasi muda



SEKITAR Majlis Pelancaran Kelab Sukan Sumpit Lun Tau (KSSLT) di Dewan Kemasyarakatan, Belalong, Daerah Temburong (atas dan bawah kanan).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**TEMBURONG**, Sabtu, 5 Oktober. - Kelab Sukan Sumpit Lun Tau (KSSLT) merupakan sebuah kelab yang baru ditubuhkan dengan tujuan utama untuk memperkenalkan dan mempromosikan peralatan tradisional sumpit kepada generasi muda yang ada di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan itu, majlis pelancaran kelab berkenaan diadakan pagi tadi di Dewan

Kemasyarakatan, Belalong, Daerah Temburong dan dihadiri oleh Penolong Penyelia Pusat Belia, Ketua Cawangan Jabatan Belia dan Sukan Temburong, Awang Mohd. Noramizul bin Haji Serbini selaku wakil peribadi kepada Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly selaku tetamu kehormat majlis.

Pengerusi KSSLT, Chin Haji dalam ucapan alu-aluannya antara

lain menjelaskan ilham untuk penubuhan kelab berkenaan bermula daripada perbincangan rakan-rakan negara jiran untuk memperkenalkan sukan sumpit kepada orang ramai.

"Bermula dari hanya beberapa orang ahli, pada masa ini KSSLT sudah mempunyai keahlilan seramai 30 orang, iaitu 25 lelaki dan lima wanita," ujarnya.

Menurutnya, objektif utama KSSLT adalah untuk memperkenalkan peralatan sumpit dalam kalangan generasi muda, mengeratkan hubungan silaturahim, meningkatkan semangat kesukanan dalam kalangan ahli serta menyertai dan juga bersaing di peringkat antarabangsa.

Seperti persatuan-persatuan yang lain sama ada di dalam ataupun luar negara katanya, KSSLT juga mempunyai visi untuk mempertahankan warisan alat sumpit sebagai sebahagian daripada budaya.

"Ahli-ahli juga telah memberi saingan yang sangat baik dan meraih beberapa kemenangan sebagai juara dalam beberapa kategori kejohanan sebelum ini. Pencapaian tersebut sangat memberangsangkan dan secara tidak langsung mengharumkan nama negara khasnya dan nama kelab amnya," tambahnya lagi.

Sementara itu, dalam ucapan yang disampaikan oleh Awang

## Lebih 800 sertai Brunei Run 2024

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut (atas), manakala gambar bawah, antara yang menyertai larian.

### >> Muka 24

Dengan adanya acara larian, Walkaton dan pameran ini, Kementerian Kesihatan berharap akan dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penjagaan kesihatan jantung kepada setiap individu dan juga dalam kalangan masyarakat. Acara ini merupakan anjuran Gleneagles JPMC Sdn. Bhd. dengan kerjasama Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Ketua Pegawai Eksekutif, Gleneagles JPMC, Dr. Peter Tay Boon Chye; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan dan Gleneagles JPMC.



Mohd. Noramizul, beliau terlebih dahulu merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada KSSLT kerana telah berjaya menubuhkan kelab berkenaan.

Menurutnya, adalah menjadi cabaran yang besar kepada Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dalam arus kemajuan teknologi masa kini, untuk memelihara, mengekal dan menyuburkan minat rakyat negara ini supaya kekal menghargai seni warisan bangsa seperti sukan sumpit.

"JBS berharap sukan sumpit ini dapat memartabatkan kembali sukan tersebut untuk terus dimainkan oleh rakyat *kitani*, tidak hanya di kampung mahupun di bandar, sebaliknya menjadi sukan para pelancong asing," tambahnya.

Majlis diteruskan lagi dengan pelancaran kelab yang disempurnakan oleh wakil peribadi tetamu kehormat majlis.

Juga hadir pada majlis berkenaan, Penasihat KSSLT, Awang Puasa bin Kaling; Yang Dipertua Persatuan Lun Bawang Murut Brunei, Lettenan Kolonel (B) Tamim bin Tuah; Yang Dipertua Persatuan Masyarakat Iban Temburong, Junita anak Seh; Yang Dipertua Persatuan Melayu Kedayan (PEMEDAYAN), Awang Zainal bin Tinggal; Presiden Persatuan Lun Bawang, Sarawak, Dolphina Balang; dan Presiden Tagal Okolod Sarawak, Musa Angau.





ePaper Pelita Brunei



## LEBIH 800 SERTAI BRUNEI RUN 2024



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Acara Brunei Run 2024 sempena Hari Jantung Sedunia 2024 yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 6 Oktober. - Lebih 800 peserta menyertai Brunei Run 2024 sempena Hari Jantung Sedunia 2024 yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat

pada acara tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Pegawai Eksekutif Gleneagles JPMC, Dr. Peter Tay Boon Chye

di mana menekankan bahawa penyakit kardiovaskular boleh dicegah dan acara pada hari ini mengingatkan kita untuk kekal aktif, membuat pilihan yang sihat serta menggalakkan orang lain melakukan perkara yang sama.

Gleneagles JPMC berbangga untuk memperjuangkan usaha ini dan bersama-sama mencapai komuniti yang lebih sihat. Acara juga diteruskan dengan sesi

senamrobik, diikuti dengan pelepasan bagi larian sejauh 3 kilometer (km) yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Terdahulu, pelepasan bagi larian 10km dimulakan yang juga bermula dan berakhir di taman berkenaan. Larian tersebut dibahagikan kepada dua kategori iaitu Kategori Lelaki 10km dan Kategori Perempuan 10km, manakala 3km bagi Kategori Fun Run.

Pemenang tempat pertama membawa pulang hadiah berupa wang tunai sebanyak BND400, manakala pemenang kedua pula wang tunai sebanyak BND300 dan pemenang ketiga menerima wang tunai BND200. Bagi pemenang keempat dan kelima, masing-masing menerima hadiah wang tunai sebanyak BND100 dan BND50.

Pemenang-pemenang cabutan bertuah juga diumumkan dan hadiah utama telah disumbangkan oleh Syarikat Boeffi iaitu berupa alat Threadmill yang baru sahaja dilancarkan oleh tetamu kehormat.

Pada acara tersebut juga, tetamu kehormat telah

menyaksikan Pameran Gleneagles JPMC Pavilion yang mempamerkan perjalanan kesihatan jantung pesakit termasuk pameran program-program kesihatan cara hidup sihat yang dibiayai sebagai komitmen Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan diungkayahkan oleh Pusat Promosi Kesihatan.

Selain itu, usaha kolektif komuniti menekankan pentingnya penglibatan dan sokongan komuniti dalam memberikan inspirasi dan dorongan kepada orang di sekeliling bagi mewujudkan perubahan positif yang berpanjangan.

Kita perlu akses kesihatan untuk semua dan menyokong akses terhadap kesihatan jantung dengan memberikan kepada masyarakat dasar-dasar untuk mengatasi ketidaksaaman dalam kesihatan dan memastikan setiap individu mempunyai peluang yang sama untuk menjalani kehidupan yang sihat.

>> Muka 23

## Eratkan persahabatan, perpaduan dalam masyarakat ASEAN



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Hari Sukan ASEAN 2024 sempena Sambutan Hari ASEAN Ke-57 Tahun bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 6 Oktober. - Sempena Sambutan Hari ASEAN Ke-57 Tahun, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN) dan Kedutaan-kedutaan Besar serta Suruhanjaya-suruhanjaya Tinggi Negara-negara ASEAN pagi tadi menganjurkan Hari Sukan ASEAN

2024 bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (KSNHB), Berakas, di sini.

Hari Sukan ASEAN berkenaan merupakan komitmen semua negara ahli ASEAN yang telah dipersetujui semasa Senior Official Meeting on Sports (SOMS) yang berlangsung pada November 2018 di Myanmar.

ia diraikan setiap 8 Ogos dengan tujuan untuk mengerakkan persahabatan dan memupuk perpaduan; persefahaman dan kerjasama dalam kalangan masyarakat ASEAN.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara berkenaan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Turut hadir, Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi

daripada negara-negara ASEAN; Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, KHELN dan KKBS dan pegawai-pegawai daerah.

Acara Hari Sukan ASEAN dimulakan dengan sesi senamrobik, diikuti dengan Acara Walkathon beramai-ramai sejauh 3.2 kilometer yang turut disertai oleh tetamu kehormat.

Antara aktiviti yang turut dikenakan pada Hari Sukan ASEAN ialah

perlawanan bola jaring, perlawanan futsal, pameran dan pertunjukan permainan serta makanan tradisi negara-negara ASEAN dan kemudian diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah bagi perlawanan bola jaring dan futsal.

Penyertaan acara berkenaan dibukukan kepada orang ramai termasuk Komuniti ASEAN secara percuma.

Seramai tiga pasukan telah mengikuti perlawanan futsal iaitu Pasukan KKBS, Pasukan KHELN dan Pasukan Kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi Negara-negara ASEAN. Sementara dua pasukan telah menyertai perlawanan bola jaring terdiri daripada Pasukan KKBS dan Pasukan KHELN.

Turut diadakan semasa acara tersebut ialah permainan tradisi negara-negara ASEAN terdiri daripada Carah Kaki Tiga dan Pasang dari Negara Brunei Darussalam, Monkey Grab Leaves dari Kemboja, Congkak dari Malaysia dan Patintero dari Filipina.

Hari Sukan ASEAN pada tahun ini merupakan kali ketiga ianya diadakan dan buat kali kedua diadakan di Dewan Serbaguna, KSNHB, Berakas.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

BERBAKTILAH KEPADA IBU BAPA SELAGI MEREKA MASIH ADA